



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 51

RABU 23HB DISEMBER, 1981

1402 رابو 25 صفر

PERCHUMA



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika melafadzkan titah di-majlis Perasmian Majlis Mashuarat Negeri.

Pegawai2 Kerajaan di-tegah mengamalkan rasuah

Oleh: Ja'afar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengingatkan pegawai2 kerajaan Baginda supaya tidak mengamalkan sikap rasuah atau corruption didalam Kerajaan Baginda.

"Beta sama sekali menegah pegawai2 didalam kerajaan Beta mengamalkan apa jua bentuk corruption atau rasuah," titah Baginda.

Bertitah di-Istiadat

Pembukaan Rasmi Musim Permarshuaratan ka-sembilan belas Majlis Mashuarat Negeri yang diadakan di-Dewan Majlis di-sini pada hari Isnin lepas Baginda Yang Dipertuan menekankan: "Insha Allah Beta akan mengambil tindakan tegas pada menchegeh sa-barang rupa dan bentuk rasuah di kalangan pegawai2 dalam Kerajaan Beta".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sekali lagi telah menegaskan bahawa ada-lah menjadi hasrat Baginda untuk mengujudkan sistem pentadbiran Kerajaan Baginda yang efeshen, jujur lagi amanah.

JUJUR DAN AMANAH

Kerajaan yang jujur, efeshen lagi amanah, titah Baginda itu selanjutnya, hanya akan dapat diujudkan dan di-jamin hidup-nya sekira-nya sa-genap lapisan pegawai2 dalam kerajaan Baginda melaksanakan tugas dan tanggung-jawab masing2 dengan chekap, jujur dan amanah di-sertai dengan titah ikhlas semata-mata kerana Allah.

Dalam hubungan ini, Baginda Yang Dipertuan mengingatkan semua pegawai2 Kerajaan dalam semua perengkat supaya mengamalkan sikap bekerja dengan chekap, jujur lagi amanah serta penoh dedikasi.

"Beta ingin menegaskan kepada Ketua2 Jabatan Kerajaan Beta serta pegawai2 yang di-

amanahkan sa-chara langsung dalam perhubungan dengan orang ramai supaya akan dapat berusaha pada mempercheptakan segala urusan2 yang bertimbang rasa berkaitan dengan orang ramai."

Bagi orang ramai pula, titah Baginda, mereka hendak-lah sentiasa mengamalkan sikap sabar serta bertolak ansor dalam perhubungan mereka dengan pegawai2 kerajaan dalam urusan2 sa-hari2.

UNDANG2

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengingatkan terutama kepada ketua2 jabatan dan pegawai2 berkenaan supaya dapat melaksanakan Undang2 dan Peratoran2 Kerajaan yang telah di-luluskan. Supaya segala Undang2 dan Peratoran2 tersebut, titah Baginda tidak hanya akan tinggal sa-bagai undang2 dan peratoran di-kertas kerja.

"Undang2 dan Peratoran2 ada-lah di-hasratkan sa-bagai landasan dalam mana pentadbiran Kerajaan Beta akan dapat di-gerakkan dengan lancar dan sempurna." Kapada pegawai2 yang di-amanahkan dalam melaksanakan undang2 dan peratoran2 itu, ada-lah amat mustahak bagi mereka untuk bersikap tegas lagi bijaksana didalam menjalankan undang2 dan peratoran2 tersebut," titah Baginda Yang Dipertuan.

Pentadbiran Ajensi di-ambil alih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan supaya Jabatan Perkhidmatan Diplomatik mengambil alih tanggungjawab pentadbiran bagi Ajensi2 Kerajaan Brunei di-London dan di-Singapura mulai 1hb. Januari 1982.

Berikutan daripada pengambilalihan alih tersebut maka Jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah mengatorkan susunan yang patut di-ikuti oleh Jabatan2 Kerajaan apabila berhubung dengan Ajensi2 Kerajaan Brunei di-London dan di-Singapura itu. Satu Surat Keliling mengenai akan di-keluarkan tidak lama lagi.

Cheteria2 dan Pehin2 Manteri di-ingatkan:

Jalankan tugas dengan jujur dan penoh tanggung-jawab — Titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengingatkan kapada Cheteria2, Pehin2 Manteri dan Manteri2 Pendalaman yang di-korbankan gelaran supaya menjalankan tugas masing2 dengan jujur dan penoh tanggung-jawab kaarah kebajikan laila sentosa.

Cheteria2, Pehin2 Manteri dan Manteri2 Pendalaman, titah Baginda Yang Dipertuan, ada-lah tidak terlepas dari sama2 memikul tanggungjawab dalam perkembangan dan kemajuan Negeri Brunei yang sama2 yang kita cintai ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-Istiadat Pembukaan Rasmi Musim Permarshuaratan kali kesembilan belas Majlis Mashuarat Negeri yang telah di-langsungkan di-Dewan Majlis di-ibu negeri di-sini pada hari Isnin yang lalu.

"Sekira-nya mereka tidak dapat menunaikan tugas2 mereka dengan

baik, maka Beta dengan tidak ragu2 akan meluchutkan gelaran yang telah Beta korniakan itu," titah Baginda.

Kapada Ahli2 yang Berhormat samada yang baru mahupun yang lama, Baginda mengingatkan mereka supaya melaksanakan tugas2 dengan jujur lagi bertanggung-jawab kerana Allah semata-mata untuk kebajikan Kerajaan dan Negeri Brunei Darussalam.

BIDANG PERTAHANAN

Menyentuh mengenai dengan persidangan pada tahun ini Kebawah DYMM menegaskan persidangan tersebut antara lain-

nya ada-lah juga untuk mempertimbangkan Anggaran Belanjaan bagi tahun 1982 yang mana menggambarkan usaha2 Kerajaan termasuk perbelanjaan untuk menjamin keselamatan, keamanan dan ketenteraman bagi Negeri Brunei ini.

"Beta ingin menyatakan lagi betapa mustahak-nya kita menambah dan melipatgandakan usaha2 di-bidang pertahanan dan keselamatan negeri ini supaya segala usaha kemajuan dan kebajikan dan bermunafaat itu akan terus dapat di-nikmati oleh raayat dan penduduk di-negeri ini," titah Baginda lagi.

Untuk itu, Baginda telah mengingatkan kapada penduduk2 di-negeri ini supaya akan terus memberikan kerjasama dengan sa-penoh-nya sa-bagaimana yang mereka berikan selama ini kapada pehak2 keselamatan.

Kerajaan buka Pejabat Ajensi di-Kuala Lumpur

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan melantek Awang Mohd. Kassim bin Haji Johan untuk membuka Pejabat Ajensi Kerajaan Baginda di-Ibu Negeri Persekutuan Malaysia, Kuala Lumpur.

Selaras dengan hasrat tersebut maka Awang Mohd. Kassim bin Haji Johan dengan di-temani oleh beberapa orang pegawai dari Pejabat Perkhidmatan Diplomatik telah bertolak ka-Kuala Lumpur pada hari Khamis 10hb. Disember 1981. Selama berada di-Kuala Lumpur beliau akan

menghubongi pehak2 yang berwajib khusus pada mendapatkan bangunan yang sesuai untuk di-jadikan Pejabat Ajensi Kerajaan di-Kuala Lumpur itu.

Soal menubuhkan Suruhanjaya Brunei di-Kuala Lumpur pada perengkat ini sama sekali tidak ber-

bangkit. Hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ada-lah semata-mata pada perengkat ini untuk menubuhkan Ajensi Kerajaan di-Kuala Lumpur sa-bagaimana jua keadaan-nya dengan Ajensi Kerajaan Brunei di-Singapura.

Manis-nya Iman

DI-RIWATKAN dalam kitab Sahih Bukhari dan Muslim daripada Aas r.a. telah mengisahkan kapada salah sa-orang sahabat bernama Abd. Rahman bin 'Auf yang menceritakan Baginda bahawa beliau telah berkata:

«لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ»
(Allah memberikan mu) —
Hadith Nafi (Al-Ashar)



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASHID
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

23HB DISEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

Perubahan waktu bekerja:

SA-RENTAK DENGAN SIKAP

Yang Amat Berhormat Pmk. Menteri Besar telah mengumumkan perubahan waktu bekerja bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan mulai 1hb. Januari 1982. Perubahan tersebut pada umumnya memang telah di-duga memandangkan beberapa perkara terutama kesesakan lalu lintas dan lain2 'kegagauan' seperti menghantar dan mengambil anak sekolah. Perubahan waktu datang bekerja suku jam di-lewatkan pada sebelah pagi (pukul 7.45 sebagai ganti 7.30) dan suku jam lagi pada sebelah petang (pukul 1.30 sebagai ganti 1.15) telah mengubah waktu balek kerja sebelah petang itu daripada pukul 4.00 kepada 4.30.

Mungkin akan berbangkit berbagai2 riaksi yang meragukan kebijaksanaan penetapan waktu2 yang di-libatkan itu. Tetapi perlu di-ketahui bahawa perubahan tersebut telah di-kaji sechara teliti sa-telah mengambil kira berbagai2 faktor. Ada-lah di-sadari memang sukar untuk memastikan ketepatan-nya dengan semua faktor2 di-sa-balek langkah mengubah itu namun ia ada-lah suatu rumusan yang di-yakini akan mengubah keadaan yang sudah terbiasa. Sebab itu kita percaya kejayaan langkah tersebut hampir sa-penoh-nya bergantung dan terserah kepada sikap pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan pada mensesuaikan diri dengan waktu2 yang baharu itu. Erti-nya: kena-lah mereka 'memasang diri' dengan waktu yang baharu itu, bukan sa-balek-nya berhujjah, mithal-nya, mengatakan-nya sa-bagai tidak mengambil kira kesesuaian waktu bagi pegawai2 dan kakitangan2 bersokan di-sebelah petang.

Dalam apa hal pun perkara ini ia-lah mengenai perubahan yang lebih melibatkan aspek2 kemanusiaan. Sebab itu-lah pelaksanaan-nya di-peringkat awal ini di-serahkan kepada kebijaksanaan masing2 ketua Jabatan. Mereka telah di-minta memberi maualumat balas kepada YB Setia Usaha Kerajaan mengenai pelaksanaan-nya di-jabatan masing2. Tentu saja akan berbangkit berbagai2 perkara yang mungkin tidak terduga sa-belum-nya. Tetapi di-perchayai Kerajaan telah berazam untuk memastikan perubahan tersebut akan mengurangkan 'daleh2' yang sa-lama ini telah di-lazimkan bagi 'menghalalkan' sikap memandang ringan masa bekerja dan sambil lewa terhadap pekerjaan.

SABSIDI POLITIK?

Orang2 yang berminat dalam hal ehwal politik negeri ini menyalahkan Kerajaan kerana sambutan dingin raayat terhadap parti2 politik yang di-benarkan bergerak pada masa ini. Tetapi, sa-bagaimana di-tegaskan oleh Ketua Pegawai Penerangan dalam taklimat-nya kepada wakil2 penduduk mukim Kilanas — Sengkurong minggu lepas, Kerajaan tidak-lah menekan atau mengongkong kebebasan raayat untuk berpolitik selagi kegiatan politik mereka tidak mendatangkan anjakan kepada keselamatan, dan sa-lama mana parti2 politik itu tidak di-peralatkan oleh anasir2 yang berniat jahat terhadap kepentingan negeri ini.

Analisa beliau bahawa dalam tempoh dua dekad semenjak tahun '60-an kita di-negeri ini telah berhasil mewujudkan suasana di-mana isu2 sosio-politik telah dapat di-huraikan dengan baik tidak sa-chara tindakan politik berparti, patut-lah di-renungkan dengan tenang oleh mereka yang berminat. Beliau menyatakan bahawa suasana sa-lama tempoh tersebut ternyata telah mendatangkan faedah2 yang berkesan kepada kesejahteraan raayat dan negara.

Oleh itu, sa-kurang2-nya pada peringkat sekarang, tidak-lah tepat Kerajaan di-desak mengubah suasana yang sebaik itu semata2 konon-nya untuk mengghairahkan raayat berpolitik. Jika pun Kerajaan telah dengan murah hati memberikan subsidi dalam perkara2 perkhidmatan dan barang2 kegunaan harian tetapi tentulah akan lain 'bunyi'-nya jika Kerajaan juga di-tuntut memberikan subsidi politik.

Kerana perubahan chara hidup yang radikal

MEROSOT-NYA MINAT BELAJAR DI-KALANGAN MURID2

BERIKUT ia-lah ucapan Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman di-upacara Sambutan Hari Pelajar Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil pada hari Selasa 15hb. Disember, 1981.

Sesungguh-nya kesedaran terhadap penting-nya pelajaran telah semakin tinggi di-kalangan raayat. Kemahuan menyekolahkan anak2 semakin ketara hampir di-semua peringkat ibu bapa, terutama sekali di-ibu negeri di-mana ramai ibu bapa sanggup bersusah payah memasokkan anak2 mereka ka-taman2 asohan dan bimbingan kanak2 ia-itu di-peringkat pra-sekolah. Hal seperti ini tidak terjadi dalam awal tahun lima puluhan. Pada waktu itu kehendak2 kepada pelajaran sa-chara persekolahan tidak-lah menyeluruh dan boleh di-katakan terhad di-kalangan masyarakat yang terlebih awal terdedah kepada pengetahuan mengenai faedah dan kepentingan pelajaran. Tetapi kira2 pada pertengahan dekad tahun lima puluhan itu mata dan hati raayat terbanyak telah semakin terbuka. Mereka mula menampakkan faedah2 dan kegunaan pelajaran anak2 mereka. Sa-tengah-nya mula melihat munafaat pelajaran itu menerusi ramai murid2 yang di-hantar ka-luar negeri. Maka semenjak itu kehendak2 kepada tambahan bilangan sekolah telah berbangkit hampir di-merata2 sa-hingga ka-kawasan2 pendalaman.

Alhamdulillah, pada waktu itu negeri kita berkemampuan untuk membiayai belanja mengadakan sekolah2 baharu.

Dalam keadaan raayat semakin menyedari dan menghendaki perkhidmatan pelajaran sa-chara meluas maka ranchangan2 pelajaran telah disusun dengan dasar memberi kemudahan dan peluang yang sama kepada raayat. Ini termasuk-lah mengadakan biasiswa dan dermasiswa untuk menuntut di-dalam dan di-luar negeri. Hasil ranchangan pelajaran waktu itu telah melahirkan ramai anak negeri yang berkelulusan dan berkelayakan dalam jawatan2 penting di-masa ini.

Sa-rentak dengan kesedaran tentang penting-nya pelajaran itu ia-lah perubahan sikap masyarakat. Antara-nya, kita telah menyakini bahawa untuk memperbaiki taraf hidup melalui penchapaian taraf pelajaran yang baik. Hal ini dapat kita kesan dengan sa-jelas2-nya di-kawasan2 luar bandar dan pendalaman. Raayat di-kawasan2 pendalaman dan luar bandar pada masa ini sedang menikmati suatu taraf hidup yang lebih baik dari sa-belum-nya berikutan daripada penchapaian pelajaran yang baik. Malah sa-tengah2 mereka itu lebih baik dan maju dari raayat di-kawasan2 tertentu di-bandar2.

Soal-nya sekarang ia-lah: sa-lain daripada penchapaian taraf hidup melalui pelajaran itu terdapat juga perubahan chara hidup sa-chara yang boleh di-katakan radikal berikutan meluas-nya pelajaran

di-kalangan raayat. Maksud saya, perubahan radikal dari chara hidup yang kuat di-pengaruhi oleh nilai2 tradisi bangsa kita kepada chara hidup yang lebih bebas dan terbuka serta terdedah kepada pengaruh2 moden yang negatif. Ini boleh kita kesan dan lihat melalui berbagai2 aspek kehidupan kita sekarang. Bukan-lah maksud saya mengenaikan unsur2 yang positif dan membena dari chara hidup moden sekarang, tetapi unsur2 sa-demikian itu mudah di-kaburi oleh unsur2 negatif dan perosak. Tidak payah saya sebutkan contoh-nya tetapi mamadai dengan menyebutkan bahawa kita sekarang semakin terdedah kepada bahaya2 akibat bertolak dari nilai2 tradisi kita sa-chara membuta-tuli sa-hingga terjadi mithal-nya kejadian anak tidak lagi hormatkan ibu-bapa-nya, sa-hingga terjadi mithal-nya ibu-bapa yang tidak segan silu berbuat sesuatu yang salah di-sisi ugama atau di-sisi undang2 negeri di-dalam rumah tangga dan di-hadapan anak2, dan mithal-nya lagi: sa-hingga sudah ada anak2 muda — yang maseh bersekolah atau yang sudah terchichir dari sekolah — terlibat dengan kegiatan2 tidak bermoral. Tidak bermoral itu bukan setakat pengaruh dadah tetapi pengaruh2 hawa nafsu dan tuntutan2 kebendaan. Begitu-lah hal-nya yang negatif berikutan dari meluas-nya pelajaran. Hal2 sa-demikian boleh saja mengkaburkan mata kita dari melihat aspek2 yang positif di-mana dengan aspek2 positif itu sa-benar-nya kita sedang membangun negeri ini.

Maka sesuai dengan sa-makin meningkat-nya kesedaran untuk menchapai taraf hidup yang baik melalui penchapaian taraf pelajaran yang baik itu hendak-nya kita akan merasa lebih terlibat. Tegas-nya, dalam perkembangan selanjut-nya kita hendak-nya akan berfikir dan bertindak membantu juga perubahan chara hidup sa-chara yang boleh di-katakan radikal berikutan meluas-nya pelajaran

boleh melemahkan penchapaian pelajaran yang baik itu.

Pada hemat saya, antara masalaah2 itu ia-lah merosot-nya minat belajar dengan rajin dan tekan di-kalangan sa-tengah2 penuntut atau murid. Ada di-antara mereka, terutama di-kalangan penuntut2 menengah, yang datang ka-sekolah kerana di-dorong untuk bebas dari kawalan ibu-bapa. Ada yang tidak pun sampai ka-sekolah tetapi berada di-tempat2 lain. Saya tidak mempunyai angka2 yang dapat menunjok kepada ramai atau sedikit-nya bilangan mereka yang sa-demikian itu. Tetapi saya per-chaya hal ini bukan-lah rahasia yang terlindung dari perhatian umum. Soal-nya: sa-takat memerhatikan-nya dengan tidak memikir dan mengambil langkah2 yang tegas tidak-lah akan menolong mengatasi masalaah sedemikian. Ibu-bapa dan orang ramai yang anak2 mereka atau tanggungan2 mereka berkeadaan sa-demikian itu tidak-lah adil kalau mengharap orang lain atau guru2 akan mengambil alih tugas dan tanggung jawab ka-atas anak2 dan tanggungan mereka. Sama juga hal-nya ada-lah tidak adil bagi guru2 dan pihak2 berkenaan sekolah menyerahkan kepada ibu bapa dan orang ramai tanggung-jawab profeshen guru terhadap penuntut2 atau murid2 mereka.

Jadi, di-sini-lah penting-nya kerjasama antara orang ramai dengan guru2 atau pihak2 berkenaan sekolah. Usaha mewujudkan kerjasama itu tentu tidak akan kendur2 di-lakukan melalui berbagai2 saloran. Saya per-chaya antara saloran-nya ia-lah dalam sempena Hari Pelajar sa-umpama ini. Tetapi penting di-ingat bahawa kemahuan serta inisiatif jarang datang sa-chara tiba2 tanpa sesuatu yang mendorong-nya. Chuma untong-nya sesuatu dorongan untuk itu selalu ada di-kalangan guru2 atau pihak2 sekolah di-sebabkan kesedaran terhadap kejayaan profeshen keguruan mereka, sementara di-kalangan ibu-bapa dan orang ramai hal yang sa-demikian boleh di-katakan kurang. Sebab itu-lah pada akhir-nya terserah-lah kepada kebijaksanaan guru2 untuk menjalin kerjasama dengan orang ramai itu dan menentukan bentuk2-nya sebab mereka lebih berupaya. Tetapi orang ramai juga hendak-lah jangan bersikap dingin yang kerana-nya nanti guru2 mudah lemah semangat.



DUA orang diplomat asing telah mengadakan lawatan ka-Brunei pada minggu lepas. Semasa lawatan tersebut kedua2 diplomat itu telah mengadakan kunjungan ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Gambar atas kelihatan Konsul Agong Switzerland bagi Brunei di-Singapura, Awang O. Gritti ketika mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sementara gambar kiri kelihatan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson (kiri) mengalu2kan Duta Itali di-Singapura yang juga menjadi Konsul Agong bagi Brunei, Awang Luigi Durante sa-belum diplomat Itali itu mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Turut hadir di-majlis tersebut ialah Y.A.B. Pemangku Menteri Besar; Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Y.B. Pegawai Kewangan Negera.

Ka-arrah penchapaian taraf pelajaran yang sempurna:

PENTING-NYA KERJASAMA GURU DAN ORANG RAMAI

BANDAR SERI BEGA-WAN. —Orang ramai te lah di-seru supaya lebih melibatkan diri dalam membantu pihak2 berkenaan kerajaan bagi mengatasi berbagai-bagai masalah pelajaran di-negeri ini.

Penting-nya penglibatan mereka itu ada-lah memandangkan pada masa ini ada di-antara murid2 dan penuntut2 yang tidak berminat sa-penoh-nya untuk belajar di-sebabkan oleh pengaruh2 sa-masa.

BUKAN RAHSIA

Demikian Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan berseru ketika berucap di-sambutan Hari Pelajar Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, di-Kampung Setia pada hari Selasa lepas.

Ketua Pegawai Penerangan seterusnya mene-

gaskan bahawa hal tersebut bukan-lah rahsia yang terlindung dari perhatian umum.

KERJASAMA

Kerana itu-lah, kata beliau, "Orang ramai terutama sekali ibu-bapa jangan melepaskan tanggung-jawab mereka terhadap anak2 kapada guru2 di-sekolah, dan begitu juga guru2 jangan pula menyebarkan tanggung-jawab profeshen mereka terhadap murid2 dan penuntut2 kapada orang ramai." Hal yang sa-demikian itu, menurut-nya, boleh melemahkan penchapaian taraf pelajaran yang sempurna bagi rakyat di-negeri ini.

Maka di-sini-lah, kata Awang Haji Badaruddin lagi, penting-nya kerjasama antara orang ramai dengan guru2 atau pihak2 berkenaan sekolah. Kerja-

sama tersebut, tambah beliau boleh di-chapai melalui berbagai2 saluran termasuk-lah dalam menyambut Hari Pelajar bagi sekolah ini.

Terdahulu dari itu, beliau telah menyentuh tentang perubahan sikap masyarakat di-negeri ini mengenai dengan penting-nya pelajaran. Menurut Awang Haji Badaruddin, orang ramai telah meyakini hanya dengan penchapaian taraf pelajaran yang baik sahaja akan dapat memperbaiki taraf kehidupan mereka.

RADIKAL

Selain daripada penchapaian taraf hidup melalui pelajaran itu, menurut-nya lagi, terdapat juga perubahan chara hidup sahara yang boleh di-katakan radikal berikutan meluas-nya pelajaran di-kalangan rakyat.

PERTUKARAN2 PEGAWAI2 KANAN AMDB

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pemerintah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengumumkan beberapa pertukaran Pegawai2 Kanan Pasokan tersebut.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Wijaya Datu Paduka Meior Haji Hussin bin Haji Sulaiman telah di-lantek memegang jawatan Pegawai Pengambilan Pasokan dan Pengetua Muzium Pasokan.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Dato Seri Laila Jasa Meior Shari bin Ahmad telah di-lantek memegang jawatan Pegawai Turus II di-Markas Pasokan.

Kedua2 lantekan pegawai tersebut bermula 11hb. Disember yang lalu.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Lt. Kol. Haji Musa bin Hj Yaakub akan di-lantek memegang jawatan Pegawai Pemerintah Pusat Latehan mulai dari 15hb. Januari, 1982.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dato Indera Setia Dato Paduka Lt.

Kol. Haji Abd. Aziz bin OKK Datu Abdullah akan di-lantek memegang jawatan Timbalan Quartermaster General mulai 1hb. Februari, 1982.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Lt. Kol Hj. Husin bin Ahmad akan memegang jawatan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua mulai 2hb.

Februari, 1982.

Meior Mohd. Noeh bin Abd. Hamid akan memegang jawatan Pegawai Turus di-Markas Pasokan AMDB mulai 1hb. Januari, 1982.

Meior Abd. Latif bin Awg. Damit di-lantek menjadi Pegawai Pemerintah Kapal KDB Seteria mulai 15hb. Disember, 1981.

Lima pegawai naik pangkat

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, dengan sukachita Pemerintah Pasokan malomkan kenaikan pangkat bagi sa-ramai lima orang Pegawai2 Askar Melayu Diraja Brunei baru-baru ini.

Pegawai2 yang di-naikkan pangkat Meior Tetap ialah Meior Ramli bin Kampong, dari Skuadron Perahu Khas, Meior Abdul Latif bin Awang Damit dari Angkatan Laut, dan

Kaptan Haji Ismail bin Othman dari Logistic. Kenaikan pangkat bagi ketiga2 pegawai tersebut bermula pada 22hb. Disember 1981.

Manakala sa-orang Pegawai lagi telah di-naikkan pangkat Leftenan Penoh, ia-itu Lt. Basri bin Mahmud dari Battalion Kedua, yang bermula pada 3hb. Ogos 1981 yang lalu dan Kdt. Ak. Abd. Malek bin Pengiran Omar dari Logistic di-naikkan pangkat menjadi Leftenan Muda pada 22hb. Disember, 1981.

Usaha2 menghidupkan tarian asli Brunei di-alu2kan

GADONG. — Jabatan Radio dan Talivishen sedang giat memikirkan bagi menambah rancangan2 tempatan sama ada yang berupa muzikal, drama, dokumentari, rancangan2 seperti sokan dan lain2 lagi.

Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad, Pemangku Pengawal RTB berkata, dalam mengkayahkan perkara2 sa-demikian, Jabatan tersebut kini menghadapi berbagai kekurangan seperti dari segi kekurangan talent.

Talent yang di-maksudkan itu, jelas-nya, ia-lah pertama kekurangan talent seperti pelakon, penyanyi dan pemain muzik, kedua kekurangan penulis skrip radio dan talivishen dan ketiga kekurangan kaitangan teknikal di-bahagian2 tertentu jabatan itu.

Berucap ketika merasmikan Pertandingan Tarian Asli Brunei kali ketujuh bagi sekolah menengah dan maktab sa-negeri, yang berlangsung di-Dewan Pusat Tingkatan Enam di-sini Sabtu lalu, Awang Abdul Razak menegaskan, dengan ada-nya kerjasama yang erat antara Jabatan Radio dan Talivishen dengan Jabatan Pelajaran, terutama sekali bahagian Kesenian dan Bahagian Dermasiswa-nya, ada-lah di-harapkan agar masalah2 tersebut

dapat di-perkecilkan.

Menurut-nya, Jabatan RTB pada masa ini telah mengeluarkan hampir2 22% rancangan tempatan, dan akan terus merancang untuk menambah sekurang2-nya kangka 30% dalam jangka dua tahun lagi.

Terdahulu dari itu Awang Abdul Razak mengalu2kan inisiatif Jabatan Pelajaran untuk menghidupkan semula tarian2 asli Brunei dalam usaha mengujudkan kebudayaan yang benar2 menonjolkan unsur2 kebudayaan Brunei pada negara2 jiran dan juga pada negara atau dunia luar.

"Kita semua tahu negara2 yang tidak mem-

punyai kebudayaan-nya sendiri akan mempunyai masa'alah penentuan identiti negara," kata-nya.

Beliau juga mengharapkan supaya pertandingan yang di-adakan sejak beberapa tahun itu, satu masa kelak akan dapat membuahkan chita2 yang di-maksudkan.

Awang Suyoi bin Othman, Pengetua Pusat Tingkatan Enam yang juga selaku Pengerusi peraduan tersebut dalam ucapan alu2an-nya antara lain telah berkata penyertaan yang menggalakan dari sekolah2 menengah membuktikan ada-nya kesedaran bukan sahaja di-kalangan pendidik tanah ayer untuk mengekalkan tarian asli Brunei tetapi juga di-kalangan penuntut2 untuk menghayati tarian kebudayaan. Kesedaran bagi

Lihat Muka 24



Abdul Razak menyampaikan Oskar Kejohanan kapada Ketua Pasokan Tarian Maktab Melayu Paduka Seri Begawan/Sekolah Sains.

AJARAN SESAT

HELAH PUAKE BATINIYAH

Bahagian VII

(DALAM keluaran yang lalu telah di-sebutkan tiga dari beberapa helah puak Batiniyah dalam mengajak orang kepada faham mereka yang sesat. Berikut ia-lah sambongan-nya).

HELAH KE-EMPAT

APABILA sa-orang pendakwah Batiniyah berta-nya kepada sa-seorang yang mahu di-pengarohi-nya maka dia akan mena-nya kepada orang itu apa2 kechenderongan-nya. Setelah mendapat jawapan maka orang itu pun di-ajak-nya mengetahui perkara yang ia chenderong untuk mengetahui-nya itu. Tetapi apabila saja orang yang mahu di-pengarohi-nya itu mula menanya sa-suatu mengenai perkara tersebut dia memberitahu-nya supaya jangan lekas sangat hendak mengetahui-nya. Alasan-nya; ugama Allah itu tidak-lah mudah dan tidak seharus-nya di-berikan kepada tiap2 orang; nabi2 serta rasul2 juga telah mengikat janji kepada umat masing2 supaya berpegang dengan ajaran2 mereka. Lalu pendakwah itu pun membachakan ayat Al-Kor'an berkenaan nabi2 dan rasul2 mengikat janji dengan umat masing2 seperti dalam ayat 169 Surah Al-A'araf.

HELAH KELIMA

CHARA lain selanjut-nya ia-lah mengikat janji dan sumpah dengan orang yang di-ajak itu, ia-itu bersumpah dengan nama Allah dan nama Rasulullah s.a.w. serta malaikat dan rasul2 yang lain bagi merahsiakan segala apa yang awak deng- ngar dan akan dengar, apa yang awak ketahui dan akan ketahui darihal perkara saya dan perkara ketua yang berpangkalan di-negeri ini ia-itu AL-MAHADI dan segala perkara rakan2 dan kawan2-nya, orang rumah-nya yang taat kepada-nya. Maka jangan kamu hanchorkan sama ada sedikit atau banyak selain daripada telah di-zahirkan oleh ketua yang berpangkalan di-tempat ini. Kamu mesti-lah mengikut-

Siri ke-110

nya dengan tiada lebeh dan tiada kurang. Kamu menguchap dua Kalimah Shahadah dan naik saksi bahawa shurga neraka itu benar; kiamat itu pasti ter-jadi; Allah akan menghidupkan orang mati. Kamu hendak-lah sembahyang, keluarkan zakat, puasa, naik haji dan berjihad pada apa2 yang di-peren-tahkan oleh Allah dan rasul-Nya. Kamu hendak-lah menyukong wali2 Allah dan memusuhi seteru Allah. Kamu menjalankan perentah2 Allah dan perjalanan Rasulullah s.a.w. dan bersulit2.

Janji ini jangan kamu mungkir samada bathin dan zahir-nya. Dan saya minta awak sembunyi-kan apa2 yang di-nyatakan kepada awak dalam perkara menta'awilkan kitab Allah dan ta'awil2 lain-nya dan ta'awil segala yang di-bawa oleh nabi2 menurut shariat2 yang tersebut. Awak mesti sempurnakan janji dan sumpah setia awak ini dan hendak-lah mengaku mene-rima-nya dan berkata; "Ya!"

Apabila saja orang itu berkata2 sa-demikian maka pendakwah pun berkata kepada-nya: "Jangan awak bochorkan sa-suatu sumpah ini sama ada dalam keadaan marah, redha, suka dan takut atau apa jua keadaan pun sa-hingga awak jumpa Allah."

"Dan saya mengambil sumpah daripada awak bahawa tidak akan pechah amanah dan khianat kapada sa-seorang wali Allah atau kapada siapa yang dalam kumpolan kita — samada pada nyawa dan harta, pada pendapat dan pada janji dan pada sumpah."

"Jika awak pechah amanah dan tahu akan terjadi-nya pechah amanah itu maka awak lepas-lah dari tanggungan Allah (di-murkai Allah).

Begitu-lah seterusnya sumpah yang di-minta oleh pendakwah puak Batiniyah itu daripada orang yang mahu di-pengarohi-nya kapada faham sesat-nya. Chubalah pembacha2 sekalian membinchangkan betapa mereka (puak Batiniyah) itu menyalahi ayat Al-Kor'an yang menyuruh supaya hukum2 ugama diterangkan-jelaskan kepada manusia, tetapi mereka menyuruh pula sa-balek-nya 'a-itu menyembunyikan dari pengetahuan orang.

Tentu-lah mereka itu dilaknat Allah di-sebabkan menyembunyikan hukum2 Allah sa-telah Allah menerangkan-nya kepada manusia.

HELAH KE-ENAM

HELAH seterusnya ia-lah dengan memperdayakan orang pendakwah mereka akan mengatakan kapada orang yang mahu di-pengarohi-nya: "Perkara ugama itu bukan mudah. Rahsia Allah itu sulit dan tiada dapat di-jalani melainkan oleh imam yang di-sokong sebab dia-lah jalan kapada ilmu nabi 'An-Natiq' ia-itu imam tertinggi mereka.

Selain daripada itu mereka juga memperdayakan orang dengan pura2 memuliakan zahir shara' supaya tiada berbangkit shak orang terhadap-nya.

Sa-tengah-nya lagi ia-lah dengan chara mengajak orang kapada imam yang sulit (Ahlul Bait) supaya dengan menyebut Ahlul Bait itu orang mudah akan tertarek pada hal tidak lain tujuan-nya ia-lah menarek orang kapada imam mereka dari anak chuchu MAIMUM AL-QADDAH yang terlaknat itu.

Mereka sengaja menda'awa yang imam mereka itu 'mastur' ia-itu sulit su-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Asher dan U. Cairo, Mufti.

paya dengan demikian orang tidak menchari2 imam itu: di-mana ia; apa rupa sifat-nya; apa keadaan-nya; dan apa helah tipu daya-nya.

HELAH KE-TUJUH

HELAH lain ia-lah sa-chara membuat pendekatan yang membayangkan konon-nya mereka tidak menolak perkara zahir seperti juga mereka tidak menolak perkara bathin. Ini ia-lah untuk menarek orang kapada jalan mereka. Maka pendakwah puak Batiniyah akan mengatakan: Zahir itu kulit dan bathin itu isi. Zahir itu hanya suatu perkara tanda yang membayangkan dan memberi isharat, sementara bathin itu ia-lah yang di-maksudkan seperti anti sembahyang dan lain2 lagi.

HELAH KE-LAPAN

Seterus-nya helah lain ia-lah dengan mengatakan kapada orang bahawa menggunakan zahir itu ia-lah bagi memahamkan isi kandungan bathin, bukan kerana beramal dengan-nya. Kata mereka: tiada ada erti apa yang di-katakan orang yang memegang zahir mesti beramal dengan zahir itu ia-lah suatu yang jahil dan bodoh. Apa yang sebenar-nya ia-lah mengetahui yang bathin, bukan yang zahir. Apabila orang yang di-ajak masuk Batiniyah itu mengetahui akan perkara2 bathin maka gugor-lah daripada-nya hu-

kum zahir. Sebab menurut mereka, hukum zahir itu ia-lah perentah taklif yang berat seperti sembahyang, puasa dan lain2 hukum shara'. Begitu juga berhenti dari melakukan larangan Allah yang nafsu manusia gemar melakukannya—manakala sa-seorang tahu akan erti2-nya tiada-lah berfaedah pada menjauhi larangan2 Allah itu bahkan pada perengkat tersebut larangan2 bertukar menjadi halal.

HELAH KESEMBILAN

AKHIR sekali ia-lah membuat helah apabila saja nampak tanda2 orang yang di-ajak itu menyahut ajakan kapada Batiniyah maka pendakwah2 Batiniyah pun mengatakan kapada mereka: "Sekarang saya halal-kan awak dari ikatan dan saya lepasan awak dari belunggu awak itu. Halal bagi awak dan kawan2 awak membuat apa2 jua larangan. Sebab apabila orang mukmin itu telah naik darjat-nya kapada darjat yang lebeh tinggi dari darjat imam maka gugor-lah daripada-nya segala amal: tidak payah puasa; tidak payah sembahyang; tidak payah haji dan tidak payah jihad. Dan tidak-lah haram di-atas-nya sa-suatu dari makanan, minuman, pakaian, perempuan dan lain2 lagi yang kufur."

DEMIKIAN-LAH sesat-nya helah2 mereka itu.

(BERSAMBONG)

WALLAHU A'ALAM.

Saudara baru Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Baru2 ini tiga orang lagi telah memelok Ugama Islam di-negeri ini. Mereka itu ia-lah Irawati bte Kapal, 20 tahun, sa-orang gadis Dusun yang berasal dari Kampong Ukong, Tutong. Beliau kini di-kenali sa-bagai Nur Irayattie bte Abdullah. Esah anak Bakang, 21 tahun, sa-orang gadis Iban berasal dari Limbang, Sarawak. Ia memilih nama Islam-

nya sa-bagai Marayani bte Abdullah. Sementara Dayang Kamariah Dawat, 21 tahun dari Kampong Bukit Udal, Tutong kini di-kenali sa-bagai Mardiana bte Abdullah.

Saudara2 baru itu melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Awang Haji Ismail dalam majlis yang berasingan bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

SEBAB MULUT BADAN BINASA



MARI-lah sama2 kita bertakwa kepada Allah dengan sebenar2nya dengan jalan sentiasa mengagihkan iman dengan amal saleh serta menjauhi jalan2 sesat yang di-rintis oleh shaitan.

Salah satu sifat yang di-chela dan di-tegah oleh Ugama Islam ia-lah membuka2, menyebut2 dan menyebarkan 'aib orang Islam baik dengan perkataan atau tulisan. Orang yang berbuat demikian akan merosakkan amal2nya yang telah lalu. Kerana perbuatan itu boleh menjatuhkan peribadi saudara sa-sama Islam dan boleh pula menimbulkan sesuatu kejadian burok dalam masyarakat Islam terutama bila mana orang yang terlibat 'aib-nya di-buka2 itu mengetahui siapa yang lanchang mulut itu.

TIDAK MUSTAHIL

Bahkan tidak mustahil mungkin boleh terjadi pergaduhan dan permusuhan yang berpanjangan. Sedangkan di-dalam Islam kita sa-sama Islam di-tuntut supaya barbaik-baik sangka antara satu dengan yang lain serta berkaseh mesra.

Memang kita manusia ini sa-lain daripada Nabi2 dan Rasul2 tidak sunyi dari beberapa kekurangan atau 'aib2 tertentu samada besar mahu pun kecil. Yang Maha lengkap dan maha sempurna itu hanyalah Allah s.w.t. jua. Ke-

rana itu bagi menjamin ujud-nya keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat Islam, kita adalah di-larang membuka-buka atau menyebut-nyebut atau menyebarkan 'aib sa-sama Islam melainkan hanya kalau di-benarkan oleh shara' misal-nya bagi menyatakan kebenaran di-hadapan hakim atau seumpama-nya.

DIAM DIRI

Bukan sedikit orang yang tidak suka berdiam diri pada 'mengakas' atau menchari-chari 'aib orang lain kemudian meningkat menjadi juru chakap yang pintar pada menyebarkan apa2 jua 'aib orang lain itu dengan segala tokoh tam-bah-nya yang berlebeh-lebehan terutama di-kalangan kawan2 rapat-nya. Tetapi yang sedeh-nya orang yang suka berbuat demikian tidak pula banyak berusaha memerhatikan dan membetulkan 'aib yang ada pada diri-nya sendiri, seperti kata pepatah: kuman di-seberang lautan nampak, gajah di-kelopak mata tidak kelihatan.

Orang yang sa-demikian hanya akan terasa pedas-nya bila mana ia sendiri mendengar orang yang memperkatakan 'aib diri-nya. Pada masa itu baharu-lah dia tahu betapa sakit-nya hati apabila mendengar 'aib-nya di-perkatakan orang. Pada ketika itu kalau ia insaf akan keolahannya suka mengata2

'aib orang, baik-lah bagi diri-nya. Tetapi kalau sa-balek-nya dia marah2 lalu memperhebat gerakan jajah-nya pasti-lah akan menyebabkan terjadi dendam-mendam yang akan membawa akibat2 yang lebeh burok.

Kerana itu-lah orang tua2 ada berkata: Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa. Perkara2 kejahatan itu amat di-benchi oleh ugama kita. Kerana itu Sayidina Umar Ibni Al-Khattab r.a., pernah berkata yang bererti: "Pereksa-lah diri kamu terlebih dahulu sa-belum kamu di-pereksa."

BERIMAN

Ar-Rafa'i pernah berkata yang bererti: "Jika engkau hendak menyebut2 'aib orang lain, (lebeh baik) engkau sebut dan ingat akan 'aib2 diri mu sendiri."

Rasulullah s.a.w., pernah mengingatkan umat Baginda dalam satu hadith yang erti-nya: "Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari kemudian maka hendak-lah ia berkata dengan perkara yang berkebahjikan atau

pun dia diam." Ini membawa erti bahawa kalau kita hendak berchakap chakap-lah dengan perkara2 yang berkebahjikan, dan kalau bukan perkara berkebahjikan yang hendak kita chakapkan lebeh baik-lah kita diam.

KATA MENGATA

Ini-lah atoran berma-sharakat dalam Islam, kata mengata dan menchari-chari serta menyebarkan 'aib orang itu adalah di-larang dan di-haramkan oleh Allah Taala sa-lain daripada pada waktu2 yang di-benarkan oleh shara'. Kerana itu mari-lah kita menjaga diri kita masing2 supaya jangan suka menjaga tepi kain orang lain dengan chara menchari-chari dan menyebarkan2 'aib mereka di-kalangan ramai. Mari-lah kita sendiri menyedari bahawa diri kita atau hal2 keluarga kita sendiri pun tidak sunyi daripada apa2 jua 'aib, kekurangan atau kelemahan tertentu yang perlu kita ambil perhatian untuk membetulkan-nya.

Ini ia-lah mengenai dosa orang yang mengata-ngata dan menchari2 serta menyebarkan2 'aib orang dan

ada-lah lebeh besar dosa-nya lagi bagi orang yang membuat fitnah dan mengada-adakan barang yang tidak ada serta menyebarkan fitnah tersebut. Dan membuat fitnah serta menyebarkan2-nya itu ada-lah di-antara dosa2 besar di-dalam Ugama Islam.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23hb Disember, 1981 hingga kahari Selasa 29hb Disember, 1981 ada-lah saperti dibawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
23hb Dis		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07 6.25
24hb Dis		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07 6.25
25hb Dis		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07 6.25
26hb Dis		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
27hb Dis		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
28hb Dis		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
29hb Dis		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PENTING-NYA MENGHINDARKAN 'BUROK SANGKA' DALAM MASHARAKAT ISLAM

Wakil MMPSB/Sekolah Sains menang Peraduan Sharahan

JALAN MUARA—Awang Abdul Rahim bin Haji Metussin dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains di-Jalan Muara telah muncihol sa-bagai Johan dalam peraduan sharahan ugama bagi sekolah2 menengah di-Daerah Brunei-Muara. Tempat kedua di-menangi oleh Awang Adnan bin Haji Besar dari Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah di-Jalan Tutong sementara pemenang ketiga ia-lah Dayang Norhayati bte Mat Noor dari Sekolah Menengah SMJA.

Peraduan tersebut di-anjorkan oleh Badan Ibadat Pembentuk Akhlak Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Sekolah Sains sempena tahun baru Hijrah 1402 yang telah di-adakan di-auditorium maktab tersebut.

Achara pada hari itu di-mulakan dengan bacaan ayat2 suci Al-Kor'an oleh Dayang Zainab bte Haji

Salleh dan di-ikuti oleh ucapan alu2an oleh pengerusi peraduan, Awang Taib bin Yahya.

Satu sharahan khas juga telah di-sampaikan oleh sa-orang pegawai ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Ustaz Haji Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengetua Sekolah tersebut, Awang Damin bin Ibrahim.

Penyertaan perarakan maseh di-buka

TUTONG—Permohonan untuk menyertai perarakan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. di-Daerah Tutong maseh lagi di-buka sa-hingga akhir bulan ini. Borang2 penyertaan boleh di-perolehi dari Awang Haji Abang bin Haji Abdul Rani di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-Pekan Tutong. Perarakan Maulud akan di-adakan serentak di-seluruh negeri pada 9hb Januari, 1982.

TENTU kita selalu mendengar orang mengatakan: "Bersatu kita tegoh, bercheraai kita roboh". Memang benar perkara ini, kalau kita bersatu, samada pada fizikal atau mental tentu kita akan kukuh dan susah hendak di-robuhkan.

Begitu-lah kenyataan-nya. Tetapi kekukuhan itu akan kendor dan mungkin roboh, kalau kita sendiri yang meroboh-nya. Perkara begini mungkin terjadi dalam berbagai bentuk tanpa kita sedari.

BUROK SANGKA

Salah satu perkara yang mungkin 'merobuhkan' kekukuhan sa-sebuah masyarakat itu ia-lah penyakit burok sangka. Atau pun dengan lain perkataan menuduh atau menyangka sa-seorang dengan satu tuduhan atau sangkaan yang bukan2. Maka apabila terjadi perkara ini, akan terjadi perbelahan, di-mana dari sini pula akan lahir kelompok2 masyarakat masing2 dengan 'kunchu-kunchu'-nya. Erti-nya,

Bingkisan minggu ini

istilah bersatu itu sudah tidak ada lagi, dan yang tinggal hanya bercheraiberaib.

Siapa pun tidak menyangkal akan keburokan memiliki sikap burok sangka ini. Ia membawa perbelahan sesama kita sendiri. Betapa tidak-nya; kalau kita memiliki sikap burok sangka terhadap sa-seorang, tentu-lah keperchayaan kita kepada-nya sudah tidak ada lagi. Lantas kita taburkan di-sana sini perihai diri orang itu walau pun kebenaran-nya belum terbukti lagi. Dan hasil-nya, mungkin orang lain mengikut jejak langkah kita.

Lebeh terok lagi kalau burok sangka terhadap sa-seorang itu di-kait2kan pula dengan 'indong bapa'-nya. "Eh andang-nya anak si-anu itu, bapanya pun mialu jua daulu." Jadi-nya nampak kepada kita yang burok sangka itu bukan saja mengenai diri orang yang tertentu tetapi juga mengait2kan orang lain yang tidak kena mengenai. Ini-lah yang patut kita jaga dan hindarkan.

API KEMARAHAHAN

Berbalek kepada burok sangka tadi, apakah kita pernah bertanya kepada diri sendiri; bagaimana perasaan kita kalau kita di-'ulahkan' sa-bagaimana kita mengulahkan orang lain itu? Kita di-sangka dengan sangkaan yang bukan2 dan kemudian di-kait2kan pula dengan indong bapa kita? Tentu perkara saperti ini kita tidak mahu terjadi pada diri kita dan mungkin akan membangkitkan api kemarahan bila kita men-

dengar-nya. Jika demikian sikap kita, maka janganlah membuat sesuatu yang kita tidak suka orang lain membuat ka-atas diri kita, saperti melimparkan burok sangka tadi.

HASAD DENGKI

Rasulullah s.a.w., pernah bersabda yang di-riwayat-daripada Abu Hurairah daripada Abi Hurairah bermaksud: "Awasi-lah kamu dari sangkaan, kerana sangkaan itu sabohong2 cherita. Jangan kamu mengintip, jangan kamu berebut-rebut, jangan kamu berhasad dengki, jangan kamu bermusuhan2 dan jangan kamu berkelahi, malahan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara."

PERPADUAN

Oleh yang demikian, jauhi-lah sikap burok sangka yang boleh melemahkan perpaduan di-kalangan kita. Dan jadilah kita sa-bagai hamba Allah yang bersaudara tegoh dalam perpaduan.

PERATORAN2 LALU-LINTAS JALAN RAYA (PINDAAN) 1981

KERAJAAN telah meluluskan satu Peratoran yang di-gelar sa-bagai Peratoran2 Lalu Lintas Jalan Raya (Pindaan) 1981 dan Peratoran tersebut berjalan kuatkuasanya pada 16hb Disember 1981. Dengan kuatkuasa Peratoran ini maka Peratoran 18 dari Peratoran2 Jalan Raya ada-lah di-batalkan dan di-ganti dengan Syarat2 berikut:—

1) Kacha bagi semua chermin penahan angin dan tingkap2 yang di-pasang kepada sebarang kenderaan bermotor hendak-lah kacha keselamatan (safety glass), yakni, kacha yang di-buat atau di-proses sa-demikian rupa yang jika pecah ia-nya tidak berkecuali2 yang boleh menyebabkan luka2 terok.

2) Semua kacha dan apa jua benda lutsinar ia-itu dalam bahasa Inggeris-nya

"transparent" yang di-pasang kepada sa-sebuah kenderaan bermotor hendak-lah di-jaga dalam keadaan yang sa-demikian rupa yang tidak mengaburkan penglihatan pemandu-nya semasa kenderaan itu sedang di-pandu di-atas jalan raya.

3) Tiada sebarang kacha gelap (tinted glass) boleh digunakan sa-bagai sa-bahagian dari atau di-pasang kepada chermin penahan angin atau tingkap sa-sebuah kereta bermotor kechuali dengan kebenaran Pesuruhjaya Pulis atau Pengawal Pengangkutan Darat, Brunei.

4) Bagi maksud2 perenggan (2) dari Peratoran ini sa-suatu chermin penahan angin atau tingkap sa-sebuah kenderaan bermotor ada-lah di-anggap sa-bagai di-kaburkan jika apa jua langsir, tirai, pelekat, sebarang benda atau barang apa pun jua sama ada

serupa atau tidak ada-lah di-lekatkan kepada chermin penahan angin atau tingkap sama ada atau tidak langsir, tirai, pelekat, benda atau barang sa-demikian sa-benarnya mengaburkan penglihatan pemandu-nya semasa kenderaan bermotor itu sedang di-pandu di-atas jalan raya.

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidak di-kenakan —

a) kepada sa-suatu lesen yang di-kehendaki oleh Peratoran 75 supaya di-lekatkan di-chermin penahan angin sa-sebuah kenderaan bermotor; atau

b) kepada apa jua langsir, tirai, pelekat, benda atau barang apa pun jua yang di-pasang di-chermin penahan angin atau tingkap sa-sebuah kenderaan bermotor dengan kebenaran Pesuruhjaya Pulis

atau Pengawal Pengangkutan Darat.

Walau bagaimana pun pengecualian boleh-lah di-benarkan oleh Pesuruhjaya Pulis Diraja Brunei dan Pengawal Kenderaan Darat terhadap kereta yang menggunakan chermin gelap tertaklok kepada syarat2 berikut:

a) Kacha gelap buatan asal yang di-pasang kepada chermin penahan angin atau tingkap sa-sebuah kenderaan bermotor. Kacha gelap sa-demikian hendak-lah mempunyai darjah pengaliran cahaya sa-banyak 70 peratus dan di-sokong oleh laporan ujian daripada sa-sebuah makmal yang di-akui.

b) Tiada sebarang kacha gelap tempatan boleh di-pasang kepada chermin penahan angin atau tingkap sa-sebuah kenderaan bermotor kechuali

kacha gelap sa-demikian mempunyai darjah pengaliran cahaya sa-banyak 70 peratus dan lebih dan di-sokong oleh laporan ujian daripada sa-sebuah makmal yang di-akui.

c) Bagi maksud2 pengecualian ini —

"Kacha gelap tempatan" bermakna kacha yang di-gelapkan dengan selaput plastik atau chat.

"Makmal yang di-akui" bermakna Institusi Piawai British (British Institute of Standards) atau Institusi Piawai Jepun (Japanese Institute of Standards).

Orang ramai ada-lah di-berikan tempoh satu bulan mulai daripada hari ini untuk menukar chermin gelap kereta kepada chermin yang di-benarkan.

Penyampaian hadiah2 kepujian Shell

Oleh : Alsah Plee

PULAIE. — Pegawai Hal Ehwal Masyarakat Shell, Dayang Siti Radiah bte Haji Mohd. Yusof menegaskan bahawa kecherdasan dan kebijaksanaan anak2 hendak-lah di-asoh dan di-beri panduan2 yang sewajarnya.

Dalam usaha ini, katanya, ibu-bapa mempunyai peranan yang penting terhadap perkembangan pelajaran anak2 sementara guru2, yang merupakan kaum pendidik wajib-lah benar2 jujur, bertanggungjawab dan dedikasi dalam memimpin pelajaran murid2 mereka. Menegasakan demikian di-Majlis Penyampaian Hadiah Kepujian Shell bagi murid2 Sekolah Rendah Daerah Brunei-Muara hari Selasa lalu yang berlangsung di-Dewan sekolah tersebut.

KEWAJIPAN MURID

Dayang Siti Radiah seterusnya berkata, berhubung dengan perkara ini, murid2 juga mempunyai kewajipan yang utama dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Murid2 dan pelajar2 wajib-lah berusaha sedaya upaya mereka sendiri menimba ilmu pengetahuan yang berguna tanpa hanya mengharap penyaloran pelajaran melalui guru2 semata-mata.

Walau bagaimana pun, Dayang Siti Radiah selanjutnya menasihati murid-murid agar tidak mengabaikan dan mengabaikan penyaloran pendidikan yang ada mengikut sukatan2 pelajaran yang tertentu, kerana jelas-nya, berpendirian sa-demikian hanya akan merugikan kita sendiri.

"Di-negara kita ini, kemudahan2 untuk mendapatkan pelajaran yang baik ada-lah terbentang luas. Dengan ada-nya guru-guru yang berkemahiran, bangunan2 sekolah yang baik serta bantuan2 melalui Jabatan Pelajaran, maka terpuang-lah kepada murid2 sekalian menggunakan kemudahan2 itu dengan sa-bijak2-nya," beliau menambah kata.

Namun begitu, apa yang lebih penting dari unsur2 penggalak yang di-sebutkan tadi bagi menjamin kejayaan murid2, jelas Dayang Siti Radiah, ialah kesungguhan dan kerajinan murid2 itu sendiri.

Menyentuh mengenai pemberian hadiah Shell yang telah pun berjalan sejak tahun lima-pulohan Dayang Siti Radiah berkata, ia-nya ada-lah merupakan salah satu langkah Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad bagi menggalakkan murid2 dan pelajar2 memperolehi ilmu pengetahuan dan taraf akademik yang lebih tinggi, dalam usaha menyokong penoh chita2 dan hasrat Kerajaan untuk mendapatkan sa-berapa banyak cherdek pandai di-negeri ini.

Lain2 usaha yang dilakukan oleh sharikat itu termasuk-lah memberikan dermasiswa kepada anak2 tempatan untuk melanjutkan pengajian yang tinggi di-luar negeri, memberi bantuan kewangan dan memberi peluang2 bekerja semasa percutian kepada penuntut2 yang menduduki peperiksaan O dan A Level.

Turut berucap di-majlis tersebut ia-lah Penyelia Sekolah2 Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Abd. Samad bin Kahar yang mana telah meng-

harapkan agar ibu-bapa dan penjaga murid2 akan sentiasa memupok dan mengambil perhatian yang berat akan kejayaan anak2 mereka.

"Kita penoh berharap dan perchaya kejayaan mereka yang bukan sahaja pada masa mereka berada di-bangku sekolah, tetapi berterusan apabila mereka dewasa, berjaya pula menjadi anak watan yang berguna dan baik," ujar-nya.

Kerajaan melalui Jabatan Pelajaran telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan persekolahan, dan apa yang di-harapkan, tambah-nya lagi, ketiga2 golongan yang berkait rapat, ia-itu guru, ibu-bapa atau penjaga murid2, dan juga murid2 itu sendiri mengambil kesempatan akan kemudahan2 yang tersedia itu.

TINGKAH LAKU

Sa-ramai 162 orang murid dari 79 buah Sekolah Rendah Melayu, Persediaan Inggeris dan Sekolah Rendah bukan Kerajaan telah menerima hadiah Kepujian Shell pada hari tersebut.

Pemilihan bagi murid2 yang berjaya, menurut Awang Haji Abd. Samad, bukan sahaja dinilai melalui pelajaran yang baik, tetapi juga tingkah laku, rasa tanggungjawab terhadap sekolah-nya, aktiviti2 yang di-sertai-nya, dan kerajinan-nya hadir ka-sekolah.

Sementara itu, majlis yang serupa juga telah di-adakan terdahulu dari itu di-Dewan Kemasharakatan, Pekan Bangor, di-mana sa-ramai 36 orang murid dari 15 buah sekolah rendah telah menerima hadiah.

Menerima hadiah yang sama ia-lah 78 orang murid dari 38 buah sekolah rendah Daerah Tutong, dalam satu majlis yang di-adakan di-Sekolah Melayu Kiudang. Manakala sa-ramai 60 orang murid Sekolah Rendah Belait telah berjaya menerima hadiah Kepujian Shell dalam upacara yang di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan di-Pekan Belait.

Majlis2 tersebut telah di-hadiri oleh Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pegawai2 Jabatan Pelajaran, Pegawai2 dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Pegawai2 Kerajaan serta ibu-bapa dan penjaga murid2.



GAMBAR atas kelihatan Dyg. Siti Radiah menyampaikan hadiah kepujian Shell kepada salah sa-orang murid di-Daerah Temburong sementara gambar bawah kelihatan beliau menyampaikan hadiah yang sama kepada Awang Harapan bin Haji Mohd Yusof, dari Sekolah Rendah Melayu Pengiran Digadong di-Daerah Brunei-Muara.



Derma untuk orang2 chachat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kakitangan Jerudong Park telah menderma sa-jumlah \$1,000 kepada Tabong Orang2 Chachat Daerah Brunei-Muara.

Derma tersebut di-sampaikan kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein oleh Awang Mohiddin bin Ibrahim.

Majlis yang di-adakan di-Pepajat Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan itu di-saksikan oleh Pegawai Warrant Satu Awang Ismail bin Matarsat.

Pepereksaan City & Guilds

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lembaga Pepereksaan Brunei memaklumkan bahawa permohonan bagi memasoki Pepereksaan City and Guilds dalam beberapa mata-pelajaran tertentu bagi bulan Mei-Jun 1982 kini sedang dibuka.

Penuntut2 yang ingin menduduki pepereksaan itu boleh-lah mendapatkan borang permohonan mela-

lui Pengetua Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal di-Jalan Muara, Pengetua Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-Kuala Belait, dan Ketua Pejabat Latihan, Sekolah Perdagangan Vokeshenah Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Seria. Sementara chalu2 persendirian boleh-lah mendapatkan borang2 tersebut di-Pejabat Lembaga Pepereksaan di-Ibu Negeri.

Bayaran pepereksaan hendak-lah di-buat sa-chara tunai atau chek, dan semua borang2 yang telah siap di-isi berserta dengan surat kenyataan memasoki pepereksaan yang di-keluarkan oleh City and Guilds of London Institute, jika ada, hendak-lah di-kembalikan kepada Pejabat Lembaga Pepereksaan di-sini tidak lewat dari 11hb Januari, 1982.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 23HB. DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 IN SEARCH OF: "Dead Sea Scrolls"
- 5.30 NEW TOM AND JERRY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FALCON ISLAND
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 FALCON ISLAND — sambongan
- 6.35 THE WINGED COLT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOBO: "The Girl With Stolen Bodies"
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 LOBO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
- 9.00 GIVE US A CLUE
- 9.30 HAWAII FIVE 'O': "East Wind Ill Wind"
- Sa-orang suaka politik di-sangka mati kerana kemalangan di-ayer, tetapi isteri-nya tetap berpendapat bahawa suami-nya telah di-bunuh.
- 10.20 TAYANGAN GAMBAR: "Girl Named Sooner"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 24HB. DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLINTSTONES: "Fred's Final Fling"
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 FLINTSTONES — sambongan
- 6.35 TAKE HART S3: Ep. 1

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
- 9.00 JABATAN HAL EHWAL UGAMA SA-BAGAI INSTITUSI PERKEMBANGAN

9.10 HIDAYAT

9.40 DUNIA MINGGU INI

- 10.10 THREE'S COMPANY SPECIAL
- 10.40 HAYWIRE Bkg 2
- 11.30 DYNASTY
- 10.20 SIARAN TAMAT

JUMAAT — 25HB. DIS.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.18 CASPER THE FRIENDLY GHOST
- 2.43 TAYANGAN GAMBAR: "The First Men In The Moon"
- Menurut cherita ini, orang yang mula2 sekali tiba di-bulan ia-lah Arnold Bedford. Ketibaan satu rombongan ekspedisi ka-bulan Bangsa2 Bersatu mengesahkan perkara ini sa-telah mendapat tanda2 pendaratan yang lebih awal dari mereka apabila bertemu dengan Arnold yang sudah lanjut usianya. Pelakun2: Edward Judd, Martha Hyer, Lionel Jeffries dll.

4.15 DOKUMENTARI:

- "Eye of the Octopus"
- Sa-orang budak bandar, 13 tahun, pergi ka-sebuah pulau terpencil di-Pacific dan menyesuaikan dengan kehidupan diri di-sana seperti belajar memanjat pokok kelapa, berkayoh dan menyelam di-lautan yang mengandungi ikan yu. Yang paling susah ia-lah bagaimana hendak menangkap ikan kurita2 yang penoh dengan jari2 yang boleh membunuh orang2 dewasa. Chara-nya ia-lah dengan menggigit di-antara kedua mata-nya.

- 5.00 KAP KAP UDANG
- 5.30 SUNSHINE PORCUPINE (Animasi)

- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE GREAT GILLY HOPKINS
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 THE GREAT GILLY HOPKINS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DONNIE AND MARIE OSMOND SPECIAL
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 DONNIE AND MARIE OSMOND SPECIAL — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 BENSON
- 9.00 MORECAMBE AND WISE SHOW
- 9.55 THE SWEENEY: "Hearts And Minds"
- 10.40 TAYANGAN GAMBAR: "The Great Gatsby"
- Kekayaan boleh mencapai sa-bahagian dari kemewahan hidup tetapi bukan untuk semua atau sa-lama2-nya. Begitu-lah keadaan hidup Jay (The



ROBERT Wagner dan Stefanie Powers sa-bagai Jonathan dan Jennifer dalam siri Hart to Hart. Episod minggu ini berjudul: "Solid Gold Murder."

Great) Gatsby. Pelakun2: Robert Redford, Mia Farrow, Bruce Dern dll.

12.14 SIARAN TAMAT.

SABTU — 26HB. DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 A MONSTERS SPECIAL
- 5.55 BERITA AWAL
- 6.05 FLINTSTONES: "Jogging Fever"
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 FLINTSTONES — sambongan
- 6.35 MR MERLIN: "Music and Me"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DEBBY BOONE SPECIAL: Ranchangan hiburan termasuk tetamu khas seperti Bob Hope, Greg Evigan dan Gene Kelly.
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 DEBBY BOONE SPECIAL — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
- 9.00 MARI MEMASAK
- 9.30 FILEM INDONESIA
- 11.15 PIALA BORNEO
- 11.15 SIARAN TAMAT.

AHAD — 27HB. DIS.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.17 IT'S NOW
- 3.05 BREAKING AWAY: "Knowing Her"
- 3.50 HARPER VALLEY: "Husband For Stella"
- 4.15 KAP KAP UDANG
- 4.45 ROLLER SKATES FEVER
- 5.00 SHAZAM
- 5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLASH GORDAN
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 FLASH GORDAN — sambongan
- 6.30 STRIKER

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 240 ROBERT — "First Loss"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 240 ROBERT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ONLY WHEN I LAUGH
- 9.00 PIALA BORNEO

ISNIN — 28HB. DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 NEW MIGHTY MOUSE
- 5.35 ANIMALS IN ACTION: "Bulldozers"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TARZAN: "Pride of The Assassins"
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 TARZAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Solid Gold Murder"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 HART TO HART — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
- 9.40 PIALA BORNEO "Scapegoats"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

SELASA — 29HB. DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HERE'S BOOMER: "Make Em Laugh"
- 5.15 LITTLE BLUE
- 5.30 SPORT'S BILLY
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL: "One of A Kind"
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "Operation Spoilsport"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
- 9.00 ARENA SOKAN
- 9.45 TAYANGAN GAMBAR: "Basefoot in the Park"
- 11.15 SIARAN TAMAT.



PARTI, menjadi satu perkara biasa dalam kehidupan Jay Gatsby dalam tayangan gambar — The Great Gatsby — Hari Jumaat jam 10.40 malam.

Bilek Berita RTB Menjelang 1982

SESUAI dengan dasar-nya untuk menambah dan mempelbagaikan ranchangan2 terbitan tempatan, Radio Talivishen Brunei sedang mengator beberapa perubahan dan pembaharuan. Sa-lain daripada terbitan2 ranchangan seperti hiburan, keugamaan dan pendidikan, terbitan berita dengan hal ehwal semasa juga sedang diperbaiki.

Perubahan paling besar dalam bidang berita ia-lah ranchangan mengadakan siaran berita awal pagi yang meliputi berita tempatan dan antarabangsa. Mulai dari 1hb Januari, 1982, Radio Brunei akan menyiarkan siaran berita ini pada pukul 6.45 pagi, sa-bagai ganti berita pukul 7.00 pagi yang sa-lama ini hanya memuat peristewat2 tempatan.

Ranchangan mengadakan siaran berita awai pagi ini ada-lah untuk mengisikan keperluan yang memang sudah lama di-rasakan, tetapi yang sa-lama ini belum dapat di-usahkan. Perkembangan terbaru ini ada-lah juga sesuai dengan selera masharakat Brunei yang sa-makin sophisticated. Brunei masa ini sudah sa-makin ghairah untuk mengikuti perkembangan2 luar negeri, terutama mengenai negara2 di-rantau ini. Menyedari hakikat ini-lah pihak RTB berusaha mengadakan siaran berita awal pagi yang bukan hanya membawa laporan2 tempatan malah meliputi peristewat2 di-seluruh dunia. Walau pun sa-tiap pagi Radio Brunei Bahagian Inggeris menyiarkan langsung berita BBC World Service, namun RTB merasakan perkhidmatan ini hanya dapat di-nekmati oleh sa-bahagian kecil masharakat Brunei. Dengan ada-nya siaran awal pagi itu nanti, berita2 antarabangsa akan dapat di-hidangkan kepada orang ramai sa-belum waktu pejabat.

Mulai tahun hadapan, siaran berita TV bahasa Melayu juga akan di-berikan bentuk baru. Lebih banyak laporan2 berita tempatan akan di-buat, sementara laporan2 luar negeri pula sa-bahagian besar-nya akan di-sampaikan oleh suara kedua bukan oleh Pembacha Berita sahaja seperti sekarang. Dengan perubahan ini di-harapkan siaran berita TV akan lebih menarik dan padat.

Sa-lain daripada itu, Bahagian Berita RTB juga sedang giat berurus untuk mendapatkan lebih banyak berita2 mengenai negara2 di-rantau ini, yang lebih 'relevant' dan 'of interest' kepada masharakat di-Brunei. Berita2 sa-umpama ini tidak banyak di-terima melalui shariat2 berita yang membekalkan bahan2 berita kepada RTB dewasa ini. Tetapi urusan mendapatkan berita2 serantau ini tidak-lah sa-mudah yang di-fikirkan oleh sa-tengah2 pihak. Apa-tah lagi, Brunei belum mempunyai sebarang shariat2 berita nasional seperti BERNAMA di-MALAYSIA dan ANTARA di-INDONESIA.

Sa-jajar dengan iklim berbaik2 dan kerjasama di-antara pertubuhan2 penyiaran di-rantau ini, RTB yakin akan dapat mendampingi diri dengan ajensi2 tersebut untuk mendapatkan berita2 liputan mereka. Tetapi urusan ini harus melintasi beberapa halangan seperti masalaah2 teknikal, pembayaran dan pertukaran berita, yang perlu di-teliti supaya tidak berchanggah dengan kepentingan negara.

Satu lagi perubahan yang di-ranchangkan dalam usaha memperbaiki dan memperkemas jentera penadbiran Radio Talivishen Brunei ia-lah menyatukan Berita dengan Hal-Ehwal Semasa. Perubahan ini memang sudah lama di-ranchangkan, memandangkan bahawa kedua2 bahagian memang sewajar-nya di-satukan seperti lazim-nya di-mana2 perkhidmatan penyiaran sekali pun. Tetapi, oleh sebab2 tertentu, gabungan ini terpaksa di-tunda.

Walaupun bagaimanapun, sa-bagai langkah permulaan, ranchangan hal ehwal semasa MAJALLAH BRUNEI, yang sa-lama ini di-terbitkan oleh Bahagian Ranchangan, akan di-ambilalih oleh Bahagian Berita mulai tahun 1982. Sesuai dengan bentuk baru yang akan di-berikan kepada MAJALLAH BRUNEI, ranchangan ini akan di-beri nama baru ia-itu LIPUTAN NASIONAL. Ranchangan LIPUTAN NASIONAL akan di-siarkan tiga kali sa-minggu mulai 2hb Januari, 1982. Keputusan juga telah di-buat supaya LIPUTAN NASIONAL di-siarkan sa-tiap hari sa-bagai ranchangan jangka panjang, tergantung kepada tenaga pekerja yang menchukopi.

Dengan ada-nya perubahan2 yang sedang di-ator, ada-lah di-harapkan yang mutu persembahan ranchangan2 tempatan seperti Berita dan Hal Ehwal Semasa akan lebih dapat memuaskan selera masharakat, dan sambil itu dapat pula mengentahkan kegiatan2 sa-tempat untuk pengetahuan umum sesuai dengan peranan RTB sa-bagai salah satu media kerajaan.



GAMBAR menunjukkan semasa penerbit ranchangan membuat rakaman luar mengenai dengan proses padi dengan beberapa orang pekerja2 ladang di-Steshen Pertanian Kilanas baru2 ini, yang mana siaran-nya telah pun di-siarkan baru2 ini. Sementara minggu depan, 27hb Disember, Selayang Pandang akan memuatkan pula kandungan-nya mengenai dengan sejarah gambar (photografi) di-mana awda juga akan berpeluang untuk mengikuti beberapa panduan bagi menggunakan kamera yang mana akan dapat membantu awda yang mungkin berminat dalam bidang penggambaran.

YANG manis itu madu. Yang merdu itu lagu. Di-zaman datok nenek, berombak ayer ka-tebing akan kedengaran adai2 di-bawa angin, tandanya ada anak Brunei balek dari bekarak.

Di-alam Minangkabau berolak ayer di-Danau Singkarak, alamat ada hati anak muda rindu2an di-rantau orang, yang menyanyikan lagu kampung nan jauh di-mata. Kalau anak Jawa rindu di-rantau, di-pesankan supaya menyanyikan lagu Bengawan Solo. Pada irama seni ada tergantung sa-buah identiti.

Hati anak Brunei, tidak akan terhibor dengan lagu Ayam den lapeh, tetapi akan terlepas rasa rindu oleh Manja2 Piabong, atau Berkayoh Menyiring Tunjong.

Maka dalam usaha memperkenalkan diri itu, sejak beberapa waktu kebelakangan ini Radio Brunei

ITU LAGU KU — ITU BANGSA KU

Hati anak Brunei tidak akan terhibor dengan lagu Ayam Den Lapeh tetapi akan terlepas rindu oleh Manja2 Piabong atau Berkayoh Menyiring Tunjang.

menggunakan irama lagu2 asli Brunei dalam jadual mengisi masa-nya. Bila orang mendengar irama pengisi masa itu sa-chara otomatis orang akan mengetahui itu adalah siaran Radio Brunei, seperti mana orang mengenali Radio tetangga dengan irama dondang sa-yang-nya dan satu lagi dengan irama keronchong-nya. Singapura juga menchari identiti dalam bentuk irama-nya, yang baru2 ini

memilih Tanjong Kallong dan Gelang Sipaku Gelang sa-bagai lagu yang dapat membayangkan peribadinya.

Kita sa-benar-nya kaya dengan identiti sendiri, namun demikian ia belum banyak di-tonjolkan atau di-peragakan. Radio Brunei chuba mengambil langkah pertama ini dan dari sana kita akan chuba melangkah setapak demi setapak hingga terselrah apa yang di-katakan dengan seni budaya Melayu Brunei itu. Sa-belum Radio Brunei mengambil langkah ini, ia telah lama

memulakan pembukaan siaran-nya dengan irama lagu2 asli Brunei, mula2 sekali menggunakan irama kulintangan kira2 dua puluh tahun dulu hingga baru2 ini di-tukar kepada satu lagi irama asli Brunei.

Dalam memperkenalkan irama asli Brunei, kita bukan sahaja sekarang memperkenalkan-nya melalui Radio kita, tetapi Radio Brunei pernah menghantar lagu2 asli Brunei ka-Pesta Muzik Asia di-Tokyo, mula2 sekali pada tahun enam puluhan.

Kita banyak bergantung kepada pemuzik2 tanah ayer untuk mempopularkan lagu2 asli kita ini. Dan kita harap pemuzik2 kita di-negeri ini akan dapat mengolah berbagai2 chara persembahan lagu2 asli Brunei ini agar ia akan sentiasa hidup segar di-hati sa-tiap raayat dan penduduk negeri ini. Lagu2 asli kita boleh di-persembahkan dengan alat2 muzik tunggal seperti piano, gitar, saxophone dan juga melalui alat2 muzik lama seperti kulintangan dan biola.



LUNCH BREAK team invite you to join them on the programme on Christmas Eve and New Year's Eve when there'll be fun, laughter and competitions galore for you to take part in with prizes to be won. Preparing the festive extravagonza are (from left: Ideris Ali, Evelyn Samuel, Sheila Livingstone, Mark Pullan and Kim Birch).

ON Christmas Day at eleven o'clock the programme can be heard. The regular Ideris will be entertaining the bi-Shoulders, and all kinds of things Rick and Uncle Devi. So that's

MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM



Peserta2 Taklimat bergambar ramai dengan Ketua Pegawai Penerangan.

J.K.R. MASEH MEMERLUKAN PEGAWAI2 BERKELULUSAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Jurutera Pembinaan, Awangku Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera berkata bahawa Jabatan Kerja Raya kini mempunyai 28 orang jurutera tempatan yang berkelulusan dari luar negeri dalam berbagai-bagai bidang dan jurusan.

Akan tetapi kata-nya, bilangan sa-umpama ini belum lagi mencukupi keperluan2 yang dikehendaki oleh jabatan tersebut dalam mengendalikan projek2 pembangunan dan infrastruktur kerajaan.

MASEH KURANG

Berucap di-majlis taklimat anjuran Bahagian Penerangan yang di-sertai oleh sa-ramai 30 orang penduduk Mukim Kilanas dan Sengkuring di-sini pada hari Sabtu lepas, Awangku Abu Bakar seterusnya berkata bahawa kita di-jabatan tersebut maseh kekurangan jurutera2 yang berkelulusan terutama di-bidang akitik, juru ukur bahan serta kejuruteraan.

"Saya perchaya walaupun bilangan ini di-lipit gantikan akan tetapi kita maseh juga kekurangan tenaga2 berkenaan pada menjalankan segala projek2 kerajaan.

BEKALAN AYER

Menurut-nya, kalau kita hendak mengambil alih segala kerja2 yang di-buat oleh jurutera2 perunding dan akitik2 perunding itu tentu-nya kita akan lebeh banyak lagi memerlukan pegawai2 tempatan yang berkebolehan dan berkemahiran.

Oleh sebab kekurangan



Ak. Abu Bakar bin Pg. Seri Indera Pg. Hj. Ismail

itu, tegas beliau, sa-bahagian kerja2 yang di-tugaskan kepada Jabatan Kerja Raya di-berikan kepada pehak2 perunding yang mana akan membuat reka bentuk dan penjagaan projek2 kerajaan.

Menyentuh mengenai bekalan ayer di-negeri ini, jabatan tersebut kata-nya, hingga sa-takat ini membekalkan hampir2 20 juta gelen ayer sa-hari bagi kegunaan penduduk dan raayat di-bumi Brunei Darussalam ini.

Beliau mensifatkan bahawa penggunaan ayer di-kalangan penduduk2 di-negara ini ada-lah terlalu tinggi jika di-bandingkan dengan negara2 yang maju di-dunia.

Ini, kata-nya lagi, mungkin di-sebabkan yang bayaran ayer terlalu murah. Walau bagaimana pun jelas-nya sifat membazir pada menggunakan ayer pada yang tidak perlu ada-lah sangat2 tidak di-galakkan.

Terdahulu dalam chera-mah-nya, beliau menjelaskan bahawa Jabatan Kerja Raya hingga sa-takat ini mempunyai 5,000 pegawai2 dan kakitangan ia-itu kira2 hanya 2,000

orang sahaja yang bergaji bulan dan yang sa-lebeh-nya ada yang bergaji hari, open vote dan sa-bagai-nya.

YANG BESAR

Beliau berkata, bahawa bilangan sa-demikian juga merupakan yang jabatan tersebut ada-lah yang paling terbesar sekali jika di-bandingkan dengan jabatan2 lain di-negeri ini selaras dengan tugas2 yang di-pertanggung-jawabkan pada mengendalikan projek2 pembangunan.

Sa-jajar dengan itu, kata-nya, peruntukan jabatan berkenaan juga di-tambah dari semasa ka-semasa di-mana misal-nya peruntukan bagi tahun 1973 hanya-lah sa-jumlah 46.5 juta ringgit tetapi sekarang pada tahun ini telah meningkat kira2 \$200 juta.

Di-samping itu, tegas-nya lagi, pengendalian kontrek2 juga bertambah ia-itu daripada 128 pada tahun 1973 dan meningkat kepada 300 kontrek pada tahun 1981.



Sa-bahagian lagi peserta2 ketika mengikuti taklimat.

K'JAAN TIDAK MENYEKAT RAAYAT BERPOLITIK — K.P.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan bahawa kerajaan tidak menyekat raayat untuk berpolitik sa-chara berparti asal sahaja kegiatan2 mereka tidak mengancam keselamatan dan diperalatkan oleh anasir2 yang bertujuan jahat.

PARTI2 POLITIK

"Ada-lah tidak betul kerajaan di-katakan menyekat kebebasan raayat untuk berpolitik. Dasar kerajaan terhadap parti2 politik yang sah tidak-lah menekankan atau mengongkong raayat dari berpolitik sa-chara berparti", kata-nya.

Sebab itu-lah, jelas-nya lagi, hingga sa-takat sekarang ada parti2 politik yang di-luluskan penubuhan-nya di-benarkan bergerak.

Menyatakan demikian ketika memberikan taklimat kepada 30 orang penduduk Mukim Kilanas dan Sengkuring yang menyertai siri taklimat anjuran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Sabtu lepas, Ketua Pegawai Penerangan itu sa-terus-nya menekankan

"Terserah-lah kepada parti2 itu menjalankan tanggung-jawab politik-nya sa-chara yang tidak membahayakan kesejahteraan raayat dan negara".

ISU2 SOSIAL

Sebab, jelas-nya, dalam masa hampir dua dekad semenjak tahun 60an, kita di-negeri ini telah berhasil mengujudkan sa-suasana di-mana isu2 sosial malahan isu2 politik di-huraikan bukan dengan kegiatan politik sa-chara berparti yang hasil-nya ternyata sangat baik dan mendatangkan faedah2 yang berkesan kepada raayat dan negara.

"Keadaan dingin itu bukan-lah di-sebabkan ada-nya tekanan kerajaan melalui undang2 dharurat atau sa-bagai-nya. Sa-balek-nya tekanan yang menchorakkan kegiatan berpolitik sa-lama hampir dua dekad itu ia-lah suasana yang di-ujudkan dalam tempoh tersebut, ujar beliau.

Malah, menurut Ketua Pegawai Penerangan itu lagi, suasana menyelesaikan dan menghuraikan isu2 sosial dan juga isu2 politik tidak sa-chara berpolitik berparti.

Amalkan sikap berbaik2 antara jiran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Aliakbar bin Abu, Bakar telah menarek perhatian kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei semasa keberangkatan Baginda ka-Mukim Kampong Sungai Kebun baru2 ini.

Dalam titah Baginda, menurut Awang Aliakbar, Kebawah DYMM telah mengingatkan kepada penduduk2 mukim2 di-negeri ini supaya terus mengamalkan chara hidup berbaik-baik, hormat menghormati, berbaik-baik dengan jiran tetangga dan bermuafakat pada jalan keba-jikan yang di-redhai oleh Allah.

NILAI SEHAT

Nilai2 yang baik lagi sehat saperti yang di-titahkan oleh Baginda Yang Dipertuan itu, tegas beliau, ada-lah merupakan adat berkampong yang di-warithi sejak zaman ber-zaman yang patut-lah di-amalkan demi untuk mengekalkan suasana kehidupan yang aman dan tenteram.

Sebalek-nya, jelas Penolong Pegawai Daerah itu, Kebawah DYMM mengingatkan kita supaya menghindari dari mengamalkan sikap memen-tingkan diri sendiri yang langsung tidak mengambil berat akan jiran sa-kampong dalam hal2 yang berkeba-jikan.

Kempen Minggu Kesihatan :

MEMUPOK KESEDARAN ORANG RAMAI MENGAMALKAN TABI'AT PEMBERSEH



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Tabib Diraja Dato Seri Laila Jasa Dr. P. I. Franks ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Jasa Dr. P. I. Franks, Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, telah menegaskan bahawa ada-lah menjadi tanggungjawab kita bersama bagi mengekalkan keadaan alam sekitar yang bersih dalam usaha mengujudkan negara yang sehat.

Kerana, kata-nya, tanpa kerjasama dari rakyat dan penduduk negeri ini mata-lamat tersebut tidak mungkin akan tercapai.

HIDUP SEHAT

Menegaskan demikian ketika berucap di-upacara perasmian Minggu Kesihatan * Kebangsaan 1981 yang telah berlangsung di-Pusat Belia Isnin lalu, Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan itu sa-terus-nya menekankan akan peri mustahak-nya alam sekitar yang bersih bagi memastikan keadaan hidup yang sehat.

Untuk itu-lah, tambahnya, sa-tiap tahun sepanjang Minggu Kesihatan, usaha2 di-tumpukan dalam memberikan kesedaran dan perhatian orang ramai tentang masalah pencemaran, di-mana pencemaran di-merata tempat hanya menggalakkan pembiakan nyamok, latat, tikus dan sa-bagai-nya.

"Kita patut-lah menyedari penyakit yang berhubung dengan kekotoran tidak akan terkawal andai-nya kita lalai mengatasi-nya," jelas Yang Berhormat itu lagi.

CHAPAI CHITA2

Yang Berhormat itu sa-terus-nya berharap agar sa-tiap kempen yang di-lancarkan di-seluruh daerah tahun ini akan lebih berkesan bagi mencapai chita2 Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia supaya setiap jiwa akan sehat menjelang tahun 2000.

Turut berucap di-upacara hari itu ia-lah wakil Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah yang antara lain berkata bahawa Lembaga Bandaran sangat mengalu2kan konsep kempen tahun ini yang bersifat informal dalam erti kata memupok

Oleh : Aisah Plee

daya usaha orang ramai mengadakan kempen Kesihatan di-tempat mereka sendiri, dengan harapan semangat itu tidak akan pudar sa-telah habis tempoh kempen.

ASOH DIRI

Apa yang mustahak sekarang ini, kata-nya, ialah kita sa-harus-nya mula mengasah diri sendiri dan keluarga supaya mengamalkan tabiat pembersehan, membuat disiplin sendiri agar hidup kita teratur dan sentiasa bersehan sama ada di-rumah, kampung, daerah dan seterusnya negeri.

"Tidak bererti kempen di-adakan sekira-nya tabiat diri sendiri tidak di-bersehan," beliau menambahkan kata.

Sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka penoh menjelang tahun 1983, hidup dengan chara yang teratur dan bermutu mesti-lah akan menjadi identiti kita, di-mana, rakyat Brunei akan terkenal dengan pakaian yang kemas, rumah dan kampung halaman yang bersehan serta pekan dan bandar yang chantek.

Menyentuh mengenai tujuan kempen itu, Awang Ahmad Bukhari selanjut-

nya menjelaskan bahawa ia-nya di-adakan supaya semua rakyat dan penduduk negeri merasa bertanggungjawab ka-atas kebersehan alam sekitar, yang mana, ujar-nya lagi, rasa bertanggungjawab itu ada-lah menjadi satu shahrat ujud-nya sa-buah bangsa yang bertamadun, teratur dan berjaya.

Wakil Daerah Brunei-Muara ketika berucap di-upacara tersebut berkata yang kesihatan diri, keluarga, dan negara ada-lah menjamin kebahagiaan hidup.

KEBERSEHAN

Malah, tegas-nya, Uagama Islam sendiri telah menegaskan bahawa 'Keberehan ada-lah sa-tengah daripada iman' dan bijak pandai juga berbahasa 'Otak yang sihat terletak pada badan yang sihat'.

Oleh kerana itu, kata-nya, ada-lah perlu bagi sa-genap lapisan rakyat di-negeri ini memberikan kerjasama kepada Kerajaan Kebawah DYMM melalui Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan bagi menggunakan kemudahan2 yang di-berikan dengan baik dan sempurna, dan ini termasuklah mempraktikkan sistem pembuangan sampah sarap yang betul.

Sementara itu, wakil dari Daerah Temburong dalam ucapan-nya telah meminta kerjasama dari pihak2 yang berkenaan supaya kesedaran mengenai kesihatan bukan sahaja timbul sa-masa kempen di-jalankan, tetapi hendak-lah ia-nya akan berterusan di-pupok dari masa ka-semasa.

"Dengan ada-nya kesedaran yang timbul hasil dari kempen kesihatan ini, maka taraf hidup yang baik akan dapat di-nikmati oleh orang2 kampung dan penduduk2 daerah ini am-nya," kata-nya.

Sa-lain dari itu, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Sallehuddin bin Pengiran Haji Mohd. Yusof ketika mewakili penduduk2 Daerah Tutong berharap agar kesedaran kempen itu akan di-rasai bukan saja sa-masa kempen di-jalankan, bahkan akan di-jadikan amalan orang2 perseorangan, dan menjadikannya sa-bagai satu projek persatuan2, penduduk2, kampung dan lain-nya.

Turut menghadhiri upacara perasmian Minggu Kesihatan yang tahun ini bertemakan 'Alam Sekitar Yang Bersehan — Negara Sehat' ialah Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Datin Hajjah Zahrah, Pegawai2 Kanan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pegawai2 Kerajaan, Pegawai2 Kesihatan, Penghulu2 dan Ketua2 Kampung, serta jemputan2 khas yang lain.

Minggu Kesihatan Kebangsaan tahun ini di-adakan selama enam hari bermula pada hari Isnin lalu hingga 19hb Disember 1981.

Penuntut2 Teknikal di-seru chebori kegiatan ekonomi

Oleh: Jahri Haji Abdul Latif

JALAN MUARA. — Penuntut2 di-pusat2 latehan teknikal dan pertukangan di-negeri ini telah di-nasehatkan untuk lebih menumpukan perhatian mereka ka-sektor2 private dan swasta. Sebab ada-lah menjadi hasrat kerajaan dalam memberikan latehan teknikal dan pertukangan itu untuk meluaskan penyertaan anak negeri ini dalam kegiatan2 ekonomi di-sektor2 tersebut.

Hal ini telah di-timbulkan oleh Ketua Pegawai Penerangan sa-waktu menjawab soalan dari salah sa-orang penuntut Pusat Latehan Teknikal, Jalan Muara sa-telah beliau menyampaikan cheramah-nya di-pusat tersebut pada hari Isnin lepas. Soalan dari penuntut tersebut ia-lah mengenai peluang2 pekerjaan bagi lepasan pusat tersebut di-jabatan2 kerajaan.

KESEDARAN

Awang Haji Badaruddin menegaskan sudah masanya penuntut2 yang mendapat latehan di-bidang2 kejuruan seperti penuntut teknikal itu mengembangkan kesedaran untuk mencheborkan diri dalam kegiatan2 ekonomi sa-chara menubuhkan perusahaan sendiri atau pun menyertai perusahaan2 private dan swasta yang sedia ada.

"Ada-lah patut kamu memikirkan kemungkinan

menjadi 'taukey' daripada chuma menjadi pekerja kapada taukey," Ketua Pegawai Penerangan itu menegaskan.

Menurut-nya lagi, peluang2 untuk kegiatan2 seperti itu sangat-lah luas di-sediakan oleh kerajaan seperti melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi di-mana rakyat negeri ini yang berkemahuan mencheborkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan boleh mendapatkan bantuan pinjaman kewangan.

PERUSAHAAN

Awang Haji Badaruddin memberi contoh penuntut-penuntut yang memasuki jurusan 'catering' di-pusat tersebut sesuai untuk menubuhkan restoran2 atau perusahaan2 membekalkan makanan. "Tidaklah latehan sa-umpama ini amat sesuai untuk menjadi taukey restoran dari chuma sa-mata2 akan memikirkan bekerja sa-bagai pelayan kedai makan dan minum?" tanya beliau.

Cheramah yang di-anjarkan oleh Pusat Latehan Teknikal ini ada-lah cheramah ketiga dari siri cheramah yang di-anjarkan oleh pusat ini. Pertama kali ia-nya di-anjarkan ia-lah mengenai dengan keugamaan yang di-sampaikan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama dan kedua mengenai kedudukan Pusat Latehan Teknikal dan penuntut-nya di dalam kurikulum.

Lebih ramai lagi anggota AMDB berkursus ka-seberang laut

BERAKAS. — Usaha2 maseh di-teruskan oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei bagi memperluaskan anggota-nya dengan berbagai jenis kemahiran, sama ada di-bidang ketenteraan, teknikal, dan kejuruteraan, dengan pengantaran ramai lagi anggota-nya ka-seberang laut tahun depan.

Bertolak ka-United Kingdom awal tahun depan ia-lah dua orang anggota Skuadron Kereta Perisai, 3639 Sgt Abdullah bin Mohammad dan 4425 Kpl Pg Jubilee bin Pg Sabtu yang akan mengikuti dua kursus berasingan bermula pada 4hb Januari.

Kursus pertama bagi mereka ia-lah Latehan Bahasa Inggeris bertempat di-The Bell College, Saffron. Sgt Abdullah akan menjalani kursus kedua, Jurulatah Memandu dan Mengendali Bahagian Kereta Perisai di-The Driving and Maintenance School, Royal Armoured Corporations Centre, Dorset, sementara Kpl Pg Jubilee akan mengikuti Kursus Gunnery Instructors di-The Gunnery School, Dorset.

Juga berlepas pada hari itu

ia-lah 154 Lt Zainal Abidin bin Awang Ladi dari Pusat Latehan yang akan menjalani kursus Bahasa Inggeris bertempat di-The Bell School of Languages, Cambridge.

Lima orang lagi akan berlepas ka-United Kingdom pada 2hb Januari bagi menghadiri Kursus Bahasa Inggeris Seberang Laut di-Sekolah Bahasa Tentera di-Beaconsfield.

Mereka ia-lah 4048 SSgt Diris bin Ahmad dan 4776 Sgt Pg Alli bin DPB Muda Haji Hashim dari Chawangan Udara, 3554 LKpl Madali bin Haji Yusof dari Skuadron Jurutera Pengempori, 4726 Kpl Jaini bin Nudin dari Pusat Latehan dan 5529 Kpl Mohd Yusof bin Ismail dari Battalion Pertama.

Juga berlepas pada hari yang sama ia-lah 6245 Perajurit Baha bin Bujang dari Bengkel Pasokan, yang akan mengikuti Kursus No. 48 Instrument Technician Initial sa-lama sa-puluh bulan di-Sekolah Elektrikal dan Kejuruteraan Mekanik, Bordon, dan 76 Lt. Pengiran Mohai-

Lihat muka 11



SA-BAHAGIAN dari para hadirin yang hadir di-majlis tersebut.

Angka tunjok harga turun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 penggunaan bagi bulan November 1981 telah turun sa-banyak 0.1 mata (0.1 peratus) buat pertama kali-nya dalam tahun ini, apabila di-bandingkan dengan bulan Oktober lepas.

Ini menunjukkan, angka tunjok bulan ini ada-lah lebih tinggi sa-banyak 10.4 mata (8.5 peratus) jika di-bandingkan dengan angka tunjok bulan Nobember tahun lepas. Kejatuhan angka tunjok bulan ini ada-lah terutama-nya


di-sebabkan oleh turun-nya angka tunjok kumpulan 'Makanan' (0.3 peratus) akan tetapi angka tunjok kumpulan 'Alat2 Perabot, Perhiasan2 dan 'alat2 kelengkapan rumah tangga serta pemasangan-nya' telah naik sa-banyak 0.9 peratus.

Sementara itu, angka tunjok bagi kumpulan2 'pakaian, kasut dan lain2', 'sewa kasar, bahanapi dan tenaga', 'pengangkutan dan perhubungan, permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan2 kebudayaan' dan 'barang2 dan perkhid-

matan2 rampaian' maseh tetap tidak berubah.

Di-samping itu barang2 yang menyebabkan menurun-nya angka tunjok bulan ini ia-lah berbagai jenis ikan dan minyak sapi.

Manakala harga lain2 barang seperti tepung jagong, meecon, biskut champor, mee segera, susu tepung, dan chair, buah betik, berbagai2 jenis sayur2an, alat2 perabot, tilam, bantal, sabun serbok dan pengilat kasut nampak-nya meningkat sedikit.



Dua buah rig baharu

SERIA. — Jabatan Penggalian Sharikat Minyak Shell Brunei kini sedang menyediakan dan menyusun langkah2 bagi menghadapi pertambahan kapada dua buah rig yang baru pada tahun depan.

Rig tersebut ia-lah "Light Land Rig" yang akan memulakan operasi-nya di Padang minyak di-sini pada

tahun depan.

Di-samping "LLR" tersebut ia-nya akan di-bantu oleh sebuah tender penggalian bagi menjalankan operasi-nya pada penggal ketiga pada tahun depan.

Tender yang di-kenali dengan nama "Tiga kali" itu ada-lah kepunyaan Sharikat Petrodrill.

KILANG PENAPIS MINYAK BAHARU

SERIA.—Kerja2 awal ka-atas pembenaan bagi sebuah kilang penapis minyak baru yang boleh memuat 10,000 tong di-sini sedang berjalan lancar.

Sa-bahagian dari peralatan, termasuk saluran2 paip, tiang, kebel serta alat perkakas telah pun di-hantar ka-rapak-nya.

Lima buah tangki dalam perengkat pertama itu akan di-gunakan bagi menyimpan minyak tanah dan minyak gas, yang mana tiga buah tangki tersebut telah di-pasang alas2-nya di-sebelah bawah. Manakala dua buah tangki lagi akan di-pasang alas-nya pada pertengahan bulan Disember ini.

PERSIAPAN

Menurut sharikat tersebut sa-bahagian besar dari saluran2 paip pelbagai panjang-nya kini sedang di-buat di-Gelangan Pembenaan Merin di-Kuala Belait bagi membekalkan ka-atas persiapan kilang tersebut.

Di-samping itu lebeh banyak lagi kerja2 persiapan sedang di-jalankan di-tapak tersebut seperti penggunaan infrastruktur, peja-bat2, setor2, alat2 kelengkapan dan kemudahan2 letrik serta kawasan bekerja bagi pemborong2.

Sementara itu kontrak ka-atas pembenaan kapada 19 buah tangki bagi kilang penapis telah pun di-serahkan kapada Jurong Engineering dari Singapura.

SALORAN PAIP


Sharikat tersebut juga mengumomkan bahawa sa-bahagian kerja2 itu nanti akan melibatkan penempatan saluran2 paip Badas, paip ayer minum, saluran2 gas tekanan rendah serta pemindahan ka-atas saluran paip ayer kerajaan dan saluran paip enap-chemar ka-kawasan luar kilang penapis yang baru.

Rig Sedco Echo di-baiki

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei telah melakukan pemeriksa-an dan pembaikan tahunan ka-atas rig Sedco Echo di-Labuan telah berakhir pada 23hb. Nobember lepas.

Rig tersebut pada masa ini sedang melakukan penggalian ka-atas telaga eksplorasi Pelican —2X yang terletak kira2 52 batu dari barat laut.

Pada 28hb. Nobember lepas telaga tersebut telah dapat mengeluarkan minyak sa-telah menggali sa-dalam 2112 kaki, yang mana sa-masa penggalian itu di-lakukan hidrokarbon tidak di-dapati.



Alator yang di-sahkan

SERIA. — Sharikat Pengmasaran Shell Brunei telah mengumomkan bahawa dua buah alator dan sa-jenis hos untuk keselamatan yang lebeh sesuai di-gunakan kapada sa-tiap pengguna2.

Sa-jauh ini dua jenis alator telah di-dapati, di-jual dan di-pergunakan ia-itu alator berwarna coklat yang di-bahagian bawah-nya bertanda jenis "Miyairi" serta tanda bulat-nya bertulis "Made in Japan" dan alator jenis "Rego" berwarna biru dan tanda di-bulatan-nya "Made in Brimingham, U.K".

KESELAMATAN

Alator yang di-jelaskan dan di-tunjokkan itu ada-lah bagi penentuan atas keselamatan bagi mengoperasikan selindar LPG.

Sharikat tersebut meng-ingatkan bahawa demi keselamatan hos yang di-sambungkan dari selindar LPG menuju gas dapur hendak-lah menggunakan hos jenis getah dan bukan-nya hos PVC atau lebeh di-kenali dengan hos plastik.

LUAR RUMAH

Dengan ini juga sharikat tersebut mengingatkan supaya menutup alator2 yang di-gunakan apabila selindar tidak di-pakai.

Di-samping itu juga selindar tersebut hendak-lah di-tempatkan di-kawasan luar rumah atau di-satu tempat yang di-anggap selamat bagi membolehkan gas itu keluar dari ruang rumah dan terus ka-udara-kasa jika sa-kira-nya berlaku sa-barang kebochor-an.

Kenaikan pangkat pegawai2 Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan telah mengumomkan kenaikan pangkat bagi pegawai2 kerajaan dari bahagian IV ka-atas baru2 ini.

Sa-ramai lapan orang Pegawai Pentadbir Tingkat I di-beberapa buah jabatan2 kerajaan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas ia-itu jawatan dalam bahagian II.

Mereka ia-lah Awang Haji Adenan bin Pehin Datu Panglima Haji Abu. Bakar, Awg. Zainal bin Haji Momin, Awg. Hamzah bin Haji Jaafar,

Awang Abd. Rahman bin Abdul Kani, Awang Yusof bin Haji Abd. Hamid, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim, Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim, Awang Yaakob bin Abu. Bakar dan Awang Abd. Rahim bin Abd. Latif.

Sa-ramai 49 orang pegawai dari Jabatan Radio Talivishen Brunei telah di-naikkan pangkat ka-berbagai-bagai jawatan dalam bahagian III.

Enam orang yang di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Operesen Kanan, mereka ia-lah Ak. Zaini bin Pengiran Adi, Awang Mahit bin

Zakaria, Awang Ng Song Boon @ Thomas, Awang Amir bin Ibrahim, Awang Haji Zulkifli bin Haji Laidin dan Awang Haji Junaidi bin Haji Osman.

Awang Haji Besar bin Haji Metussin @ Metussin, Awang Tan Teu Kan, Awang Tang Kit Foo, Awang Yap Tok Foo, Awang Alloyissus De Souza, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Damit Bungso @ Pengiran Haji Metassan, Awang Rethinam Ramamurthy, Awang Ho Tiap Fen @ Ho Kong Shiang, Awang Cheung Pang Hung, Awang Lim Eng San dan Pengiran

Abd. Razak bin Pengiran Hj. Chuchu telah di-naikkan pangkat sa-bagai Juruteknik Pemeliharaan Kanan.

Sementara lima orang telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Juruteknik Pemeliharaan. Mereka ia-lah Awang Md. Yassin bin Sinyut, Awang Fung Chin Sing @ Francis, Awang Ng Kay Fatt @ Ng Ah Ba, Awang Tan Pui Kit dan Awang Ibrahim bin Haji Idris.

Manakala empat orang lagi di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Juruteknik Pemeliharaan. Mereka ia-lah Awg. Ang Eng Kee @ Ang Ah

Tang, Awang Mohd. Ismail bin Alias, Awang Rosli bin Metussin dan Awang Mohd. Jaafar bin Abu. Bakar.

Mereka yang di-lantek sa-bagai Penolong Operesen di-jabatan tersebut ia-lah Awang Zainal bin Hj. Mohd. Yakop, Ak. Razali bin Pengiran Mohd. Said, Awang Lamit bin Haji Abu. Bakar, Awang Ismail bin Mohiddin, Ak. Omar bin Pengiran Sulaiman, Ak. Masernan bin Pengiran Manai @ Ak. Emran, Awang Abd. Wahab bin O.K. Bandar Hj. Mohd. Dayang, Awg. Mohd. Yusof bin Mohd. Yassin, Awang Abd. Zani bin Hashim, Awang Majit bin Hj. Lamat, Awang Md. Hussin bin Haji Mohsin, Pengiran Abd. Ghani bin Pengiran Apang @ Pengiran Jasni, Awang Osman bin Haji Bakar dan Awang Mahmud bin Haji Bakar.

Lima orang Penolong Pereka Rendah telah di-lantek sa-bagai Penolong Pereka. Mereka terdiri dari Awang Othman bin Salleh, Awang Azeni bin Ibrahim, Awang Kahan bin Sawal, Awang Omar Ali bin Haji Daud dan Awang Haji Dayang bin Hj. Mutalip.

Dayang Mardiana bte Abd. Wahab, Dayang Norsiah binte Haji Sulaiman dan Dayang Jamelathon binte Haji Abd. Hamid di-naikkan pangkat sa-bagai Vision Mixer sementara sa-orang di-lantek sa-bagai Pegawai Perpustakaan Kanan ia-itu Awang Mat Yassin bin Haji Abd. Rahman.

12 orang pelatoh penolong Pengajar Teknikal di-Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pengajar Teknik dalam jawatan bahagian III.

Mereka yang di-lantek itu terdiri dari Awang Chok Chuan, Awang Md. Jaheh bin Md. Jaya, Ak. Jalaluddin bin Pengiran Wahab, Awang Isa bin Haji Md. Tuah, Awg. Md. Salleh bin Haji Pudir, Awang Abd. Abed bin Abdul Hamid, Awang Sulaiman bin Haji Puteh, Awang Abd. Latif bin Haji Ali, Awang Salleh bin Haji Kahan, Ak. Mohiddin bin Pengiran Abd. Momin, Awang Haji Abd. Ghafar bin POK Perdana Indera Dato Setia Awang Haji Md. Taha dan Ak. Abd. Latif bin Pengiran Haji Ahmad.

Di-jabatan yang sama lima orang di-lantek sa-bagai Pegawai Perpustakaan Kanan yang bermula dari Ith. Jun lalu. Mereka ia-lah Awang Tengah bin Salleh, Awang Tuan bin Haji Mantrais, Awg. Yakob bin Othman, Awang Ahmad Shah bin Hj. Abd. Rahman dan Pg. Abdul Razak bin Pengiran Tengah.

Pengiran Haji Tuah bin Pengiran Haji Chuchu, Awang Haji Julaihi bin Haji Sulaiman dan Awang Muhammad Taha bin Abd. Rauf telah di-naikkan pangkat ka-jawatan sa-bagai Penyelia Kanan Sekolah2 Daerah ia-itu jawatan dalam bahagian II. Sementara Awang Haji Mohd. Yassin di-lantek sa-bagai Penolong Penguasa Pelajaran Menengah.

Pegawai2 AMDB yang akan berkursus

Dari muka 10

min bin Pg. Haji Muhido dari Battalion Kedua yang akan menghadiri Kursus No. 18 Mortar Officers sa-lama dua bulan di-The Support Weapons Wing, Salisbury.

Empat orang lagi akan meninggalkan Brunei menuju ka-Singapura pada hari yang sama untuk mengikuti kursus Makenik Kenderaan di-Sekolah SAF Ordnance di-republik itu. Mereka ia-lah 4687 Kpl Johari bin Maidin dari Skadron Kereta Perisai, 5717 L.Kpl Tunggal bin Bakar dari Bengkel Pasokan dan 4455 L.Kpl Mohammad bin Mustol dari Kompeni RHQ akan menghadiri kursus Makenik Kenderaan NCO Kelas II, sementara 6238 Perajurit Zaini

bin Haji Maidin dari Kompeni RHQ akan menjalani kursus Makenik Kenderaan Kelas I.

Sementara itu, 78 Lt. Abd. Rahmani bin Haji Basir dari Battalion Kedua akan bertolak ka-United Kingdom pada 14hb Januari depan untuk mengikuti kursus No. 30 Regimental Signal Officers sa-lama kira2 tiga bulan bertempat di-The Signal Wing, School of Infantry di-Warminster.

Manakala 61 Kpt Jamil bin Pehin Dato Haji Mohammad dari Markas Pasokan akan bertolak mengikuti penerbangan yang sama ka-Singapura untuk menghadiri Kursus Basic Manpower Officer di-The School of Manpower Management di-Kem Seletar Timur

di-republik itu. Kursus akan bermula pada 18hb Januari, 1982.

Sa-lain dari menghantar anggotanya berkursus, pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga memberi peluang bagi ahli2 kadet pasokan itu menghadiri kursus singkat di-seberang laut.

Berlepas ka-Singapura hari Sabtu ini ia-lah lapan orang kadet mereka ia-lah Terang bin Mohd Ali, Kahar bin Sakai, Abdul Rashid bin Mahmud, Ahmad Zulkarnain bin Abdul Kadir, Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman, Agambala bin Hisal, Mohd Jaafar bin Haji Tinggai dan As Mitch bin Andok.

Rombongan yang akan di-ketuai oleh TA 26.2 Lt. Bahar bin Musa akan menjalani kur-

sus Instruction for Movement and Administration Outward Bound sa-lama lima hari di-Sekolah Outward Bound di-republik itu. Sementara itu, sa-rombongan lagi kini sedang menjalani kursus yang serupa di-republik itu.

Rombongan yang di-ketuai oleh TA/14 Lt. Abdullah bin Haji Awg Damit telah di-ser-tai oleh Kadet Aminudin bin Haji Awang Damit telah di-ser-tai oleh Kadet Aminudin bin Mohammad, Ak. Wahab bin Pengiran Ibrahim Jasmin bin Merusin, Jasni bin Ali, Mohd Yazid bin Haji Ismail, Noorash bin Haji Norkaseh, Gucy bin Dehi, Tanam bin Burut dan Zahirin bin Shahbuddin.

Rombongan tersebut akan kembali ka-tanah ayer.

D.Y.M.M. MERASMIKAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ka-Dewan Majlis bagi merasmikan Mashuarat Pertama (Belanjawan) dari Permasuaratan ke-19, Majlis Mashuarat Negeri pada hari Isnin, 21hb. Disember yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-majlis tersebut kira2 jam 9.30 pagi dan di-alu2kan oleh Speaker, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin. Sa-jurus sa-telah itu Baginda Yang Dipertuan membalas tabek dan seterusnya di-junjong memeriksakan barisan kehormatan yang terdiri dari dua buah kontengin anggota Pulis Diraja Brunei.

Sa-lepas itu Baginda Yang Dipertuan di-junjong berangkat ka-Bilik Rehat bersama2 dengan lain2 pembesar2 negara. Sa-telah berehat sa-bentar, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker menjunjong Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk berangkat ka-Dewan Persidangan di-mana Baginda melafadzkan titah.


Turut berangkat ka-majlis tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin

Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria.

Turut juga hadir ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Ketua2 Jabatan dan pegawai2 Kanan Kerajaan.

Terdahulu dari itu, enam orang Ahli Majlis itu telah mengangkat sumpah yang di-dahului oleh Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Setia Awang Abd. Rahman dan di-ikuti oleh Y.B. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Ahli Rasmi yang baru di-lantek.

Ahli2 Yang Di-lantek yang mengangkat sumpah ia-lah Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh bin Haji Masri, Y.B. Orang Kaya Pekerma Indera Awang Haji Jili bin Ibrahim, Y.B. Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Hj. Abd. Rahim bin Akim dan Y.B. Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan memeriksakan barisan kehormatan (atas) sementara gambar bawah kelihatan Baginda Yang Dipertuan di-junjong oleh Yang Amat Mulia Pengiran Speaker berangkat ka-Dewan Persidangan.



GAMBAR atas ia-lah barisan Ahli2 Kerana Jawatan dan Ahli2 Rasmi yang sa-ramai 10 orang sementara gambar kanan pula ia-lah barisan Ahli2 Yang Di-lantek juga sa-ramai 10 orang.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin dengan di-iringi oleh Jurutulis Majlis Mashuarat, berangkat ka-Dewan Persidangan.

PEGAWAI2 DA AMALKA JUJ

Segala puji2an bagi Allah Subhanahu Wata'ala, dan selawat serta salam ka-atas Junjongan kita Nabi Muhammad Salallahu alaihi Wasallam sahabat2 dan pengikut2 Baginda ta'at setia lagi jujur hingga zaman.

Yang Amat Mulia Pengiran dan Ahli2 Yang Berhormat sel... Alhamdulillah, Shukor Kel... Allah Subhanahu Wata'ala, dengan izin-Nya jua kita sekali hadir bersama2 di-pagi yang sempena perasmian Majlis M... Negeri Brunei Kali Yang Ke-1

Beta dengan perasaan ya... ikhlas dan amat sukachita... alukan kehadiran Yang Am... Pengiran Speaker dan bebera... Ahli yang baru di-lantek, dan... nya Beta menguchapkan... tahniah di-atas lantekan... Bagi Ahli2 yang tamat... mereka, terutama-nya bekas... Yang Amat Mulia Pengir... Negara, Beta sukachita men... penghargaan atas segala su... dan buah fikiran yang telah d... kapada Kerajaan Beta dan... Brunei 'am-nya, dan semo... bangan dan buah fikiran yang

KAKITANGAN KERAJAAN DI-INGATKAN:

SIKAP BERKERJA DENGAN R LAGI AMANAH — Titah

ia-lah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Mu'izzaddin Waddaulah, di-Majlis Pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri kali yang pada hari Isnin 21hb Disember 1981, di-Dewan Majlis, Seri Begawan.

berikan kerana Allah itu, akan diterima-nya sebagai amalan dan jasa yang berkebaikan.

JUJUR LAGI BERTANGGONG-JAWAB

Beta ingin mengingatkan lagi kepada semua Ahli, baik Ahli yang lama mahu pun Ahli yang baru, mengenai dengan tugas2 dan kewajipan mereka sa-bagai Ahli Majlis ini, sama ada Ahli Rasmi mahu pun Ahli Yang Di-Lantek, bahawa tugas2 itu hendak-nya-lah dilaksanakan dengan jujur lagi bertanggung-jawab kerana Allah semata-mata untuk kebaikan Kerajaan dan Negeri Brunei Darus Salam.

Sa-bagaimana jua hal-nya dengan persidangan2 di-tahun2 yang lepas, mashuarat yang akan di-mulakan hari ini, antara lain-nya, ada-lah juga untuk mempertimbangkan Anggaran Belanjawan bagi Tahun 1982, yang mana dapat menggambarkan usaha2 Kerajaan Beta yang berterusan dalam bidang2 yang terpenting bagi Negeri Brunei termasuk perbelanjaan untuk menjamin keselamatan, keamanan dan ketenteraman bagi Negeri Brunei ini. Beta ingin menyatakan lagi betapa mustahak-nya kita menambah dan melipat-gandakan usaha-usaha di-

bidang pertahanan dan keselamatan negeri ini, supaya segala usaha kemajuan yang berkebaikan dan bermunafat itu akan terus dapat dinikmati oleh raayat dan penduduk di-negeri ini. Oleh yang demikian, Beta ingin mengingatkan supaya seluruh raayat Beta dan penduduk negeri ini akan terus memberikan kerjasama dengan sa-penoh-nya sa-bagaimana yang telah mereka berikan sa-lama ini kepada pehak2 keselamatan.

PENTADBIRAN YANG EFFICIENT

Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa ada-lah menjadi hasrat Beta untuk mengwujudkan sistem pentadbiran Kerajaan Beta yang efficient, jujur lagi amanah. Kerajaan yang efficient, jujur dan amanah hanya akan dapat di-wujudkan dan di-jamin hidup-nya sa-kira-nya sa-genap lapisan pegawai2 dalam Kerajaan Beta dapat melaksanakan tugas dan tanggung-jawab masing2 dengan cekap, jujur dan amanah di-sertai dengan tulus ikhlas semata2 kerana Allah untuk kebaikan Negeri Brunei dan penduduk serta isi di-dalam-nya. Dari itu, Beta mengingatkan semua pegawai Kerajaan Beta dalam semua peringkat supaya mengamalkan sikap bekerja dengan cekap, jujur lagi amanah serta penoh dedikasi. Berkaitan dengan ini, Beta ingin menegaskan kepada Ketua2 Jabatan Kerajaan Beta serta pegawai2 yang di-amanahkan sa-chara langsung dalam perhubungan dengan orang ramai, supaya akan dapat berusaha pada memperkecapi segala urusan2 yang bertimbang-rasa berkaitan dengan orang ramai.



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj. Abd. Aziz menyembahkan Warkah Titah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang kemudian-nya Baginda lafadzkan di-majlis tersebut.

Bagi orang ramai pula, hendak-nya-lah mereka sentiasa mengamalkan sikap sabar serta bertolak-ansor dalam perhubungan mereka dengan Pegawai2 Kerajaan dalam urusan sa-hari2, supaya sifat ka-Bruneian kita yang bersopan-santun itu akan sentiasa terpelihara.

AMALAN RASUAH DI-TEGAH

Dalam usaha untuk mengwujudkan sistem pentadbiran yang efficient, jujur lagi amanah yang Beta sebutkan tadi, maka Beta dengan setegas-tegas-nya menekankan bahawa sikap jujur dan amanah itu hendak-lah di-pupok berlandaskan ajaran2 Uagama Islam, ya'ani, Beta sama sekali menegah pegawai2 di-dalam Kerajaan Beta mengamalkan apa jua bentuk corruption atau rasuah. Insha Allah, Beta akan mengambil tindakan tegas pada menegah sebarang rupa dan bentuk rasuah di-kalangan pegawai2 dalam Kerajaan Beta.

Beta juga ingin mengingatkan kepada Kerajaan terutama kepada Ketua2 Jabatan dan pegawai2 berkenaan, supaya dapat melaksanakan ia-itu pada menjalankan Undang2 dan Peratoran2 Kerajaan yang telah di-luluskan supaya segala Undang2 dan Peratoran2 tersebut tidak-lah hanya akan tinggal sa-bagai Undang2 dan Peratoran2 di-kertas sahaja. Undang2 dan Peratoran2 ada-lah di-hasratkan sa-bagai landasan dalam mana pentadbiran Kerajaan Beta akan dapat di-gerakkan dengan lancar dan sempurna. Kepada pegawai2 yang di-amanahkan dalam melaksanakan Undang2 dan Peratoran2 itu, ada-lah amat mustahak bagi mereka untuk bersikap tegas lagi bijaksana di-dalam menjalankan Undang2 dan Peratoran2 tersebut.

Bersempena Perasmian Majlis Mashuarat Negeri Yang Ke-19 ini, Beta ingin mengambil kesempatan pada mengingatkan semua orang yang Beta kormiakan gelaran, ia-itu Cheteria2, Pehin2 Menteri dan Menteri2 Pendalaman, supaya menjalankan tugas masing2 dengan jujur dan penoh bertanggung-jawab ka-araf kebaikan laila sentosa sa-bagaimana yang Beta hajati. Cheteria2, Pehin2 Menteri dan Menteri2 Pendalaman ada-lah tidak terlepas dari sama2 memikul tanggung-jawab dalam perkembangan dan kemajuan Negeri Brunei yang sama2 kita chintai ini. Sekira-nya mereka tidak dapat menunaikan tugas2 mereka dengan baik, maka Beta dengan tidak ragu2 akan meluchutkan gelaran yang telah Beta kormiakan itu.

Kapada Ahli2 Yang Berhormat, Beta sekali lagi berharap dengan sesungguh-nya supaya Ahli2 Yang Berhormat akan mempertimbangkan apa jua perkara yang di-bentangkan dalam Majlis ini dengan 'arif saksama lagi bijaksana di-sertai dengan keikhlasan dan kejujuran serta berterusterang pada mengulorkan pendapat atau hujjah2 yang membena semata2 kerana Allah jua, supaya segala keputusan yang akan di-buat itu kelak akan memberikan munafat demi untuk kebaikan ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam serta segala isi di-dalam-nya. Mudah2an Persidangan Majlis ini, dengan bimbingan yang bijaksana dari Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, akan berjalan dengan lancar dan sempurna dan sentiasa membuktikan perasaan mesra lagi saling hormat-menghormati di-antara satu dengan yang lain.

Sekian, wabillahiit tawfik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarkatoh.

Speaker Majlis Mashuarat Negeri yg baru

MAJLIS Mashuarat Negeri memulakan mashuarat pertama-nya (Belanjawan) dari Pemmashuaratan Ke-19 pada hari Isnin lepas. Majlis yang mengandongi 20 orang ahli itu di-pimpin oleh Speaker baharu, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota di-lantek sa-bagai Speaker pada 15hb. Disember, 1981 bagi menggantikan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Sa-belum di-lantek menjadi Speaker, Yang Amat Mulia menjawat jawatan Pengarah Perpindahan ia-itu jawatan yang dipegang-nya sa-lama 11 tahun.

Sa-lama berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sa-lama 30 tahun, Yang Amat Mulia pernah menjawat jawatan2 penting — ia-itu sa-bagai Setia Usaha Jabatan Adat Istiadat, Uagama dan Kebajikan Masyarakat dan menjadi Pengetua Pe-

gawai Hal Ehwal Uagama.

Di-samping itu, Yang Amat Mulia juga pernah di-lantek sa-bagai Ahli Majlis Mashuarat Diraja dan Majlis Mashuarat Menteri2 dari tahun 1969 hingga 1970. Menjadi Pengerusi Majlis Uagama Islam dari tahun 1962 hingga tahun 1970. Yang Amat Mulia juga menjadi Pengerusi Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara hingga sekarang.

Yang Amat Mulia di-anugerahkan gelaran Cheteria — Pengiran Maharaja Anak-nda pada awal tahun 1968 dan dalam pertengahan tahun itu juga, gelaran Yang Amat Mulia di-naikkan menjadi Pengiran Indera Mahkota.

Sa-bagai mengenang jasa2 Yang Amat Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengormiakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat Kehormatan Negeri Brunei. Antara-nya ia-lah SPMB, PSLJ, DSLJ, DPMB, POAS, PHBS, PJK dan Pingat Kerja Lama.



Y.B. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit.



SPEAKER

Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda bin, Speaker Majlis Mashuarat Negeri.



Y.B. Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim.



Y.B. Pehin Dato Pekerna Dewa Awg. Haji Abd. Rahim bin Akim



Y.B. Orang Kaya Pekerna Indera Awang Haji Jili bin Ibrahim.



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Hj. Mohd. Salleh bin Haji Masri.

PENYALAHGUNAAN DADAH SEMAKIN BERTAMBAH

Oleh: Jaffar Ibrahim

KUALA BELAIT.— Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menegaskan bahawa penyalah-gunaan dadah di-negeri ini ada-lah semakin bertambah meskipun bilangan-nya agak kecil.

Menurut-nya, dari statistik yang ada menunjukan bahawa kaum belia yang berumur 18 hingga 30 tahun ada-lah yang terbanyak menjadi penagih dadah.

Menegaskan ketika berucap sa-jurus sa-belum merasmikan Hari Pelajar Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-sini pada hari Ahad minggu lalu, Pengarah DBP itu sa-terus-nya berkata yang penagih2 itu kebanyakan-nya datang dari keluarga berada.

Jika masalaah penyalah-gunaan dadah di-negeri ini tidak dapat di-atasi terutama jenerasi2 muda yang maseh di-bangku sekolah waktu ini maka sasaran utama kata-nya, sa-siapa juga yang menggunakan dadah sa-bagai memenohi kepentingan jangka panjang-nya ada-lah tertumpu kepada 'the working population'.

"Dan jika golongan 'the working population' sudah dapat di-masoki maka usaha2 kita untuk membanyakkan tenaga kerja bagi memenohi keperluan2 serta aspirasi negara terutama dalam tahap negara kita berada di-ambang pintu kemerdekaan-nya yang penoh lagi tulen itu mungkin akan ikut sama terjejas," ujar-nya.

Walau bagaimanapun, jelas-nya, kerajaan DYMM, melalui pasokan Pulis Diraja Brunei telah dengan gigih dan tanpa kendor2-nya berusaha memerangi masalaah penyalah-gunaan dadah itu dari sesama ka-semasa.

Menurut Pengarah DBP, di-samping usaha kerajaan, langkah2 yang paling berkesan untuk membasmi masalaah tersebut daripada berlarutan ia-lah dengan penyertaan orang ramai pada membantu pehak berwajib sa-panjang masa.

"Dan dari segi pencegahan-nya pula saya percaya benteng yang chukop kuat ada-lah pendidikan ugama dan undang2 anti dadah yang tegas di-laksanakan", jelas-nya lagi.

Beliau juga berkeyakinan bahawa masalaah sa-umpama itu dapat di-atasi dengan adanya peranan yang dimainkan oleh ibu-bapa dan guru2 ia-itu dengan memberi pendidikan yang berkesan melalui bilek2 darjah dan asohan2 yang baik di-rumah dengan unsur2 ugama, budi pekerti mulia, perhatian berat dan kasih sayang yang sejati.

Kata-nya dengan adanya penyertaan2 tersebut, negara kita Brunei



SEMASA Hari Pelajar di-langsungkan di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, penyampaian hadiah kepada penuntut2 dan murid2 yang terbaik dalam pelajaran telah di-langsungkan seperti kelihatan dalam gambar atas.

Hari Pelajar di-sana sini

Oleh: Asimah HAR

Pendidikan kepada kanak2 merupakan fokus yang sentiasa mendapat perhatian mendalam di-pehak kerajaan Kebawah DYMM menerusi perlaksanaan-nya yang di-ungkayahkan oleh Jabatan Pelajaran. Ini menampakkan bahawa hasrat kerajaan sa-demikian itu menunjukan betapa kanak2 yang merupakan jenerasi yang boleh di-lentur ketika ini sa-boleh2-nya akan dapat di-lentur dan di-bentuk menurut achuan masyarakat dan aspirasi negara kita yang kelak mereka itu akan menjadi tulang belakang dan perwaris bangsa kita di-masa2 akan datang.

Pada mereka yang kita tumpukan harapan tersebut, perlaksanaan yang telah di-ungkayahkan, sedang di-jalankan dan akan terus menjadi rancangan pendidikan negara itu. Di-samping pendidikan berupa sekular ia-itu di-bidang akademik memainkan peranan sa-bagai garis pandu agar mereka dapat menulis, membaca dan mengira dari peringkat rendah membawa ka-peringkat tinggi.

Ini jelas terbukti dan dapat kita saksikan sendiri dari apa yang telah di-laksanakan oleh Jabatan Pelajaran seperti kegiatan2 pendidikan di-dalam kumpulan hadhrat sekolah2, kegiatan2 tarian dan sa-umpama-nya.

Dalam hubungan ini, dua minggu yang lalu, beberapa buah sekolah2 menengah dan maktab2 serta Sekolah2 Rendah termasuk Sekolah Persediaan Inggeris di-seluruh negeri telah melangsungkan sambutan Hari Pelajar masing2.

Semasa hari tersebut, sekolah2 yang mengadakan-nya, bukan sahaja membukakan kepada kanak2 sekolah malahan para ibu-bapa serta penjaga murid dan penuntut2 telah di-jemput untuk menyaksikan sendiri akan kegiatan anak masing2.

Di-samping itu Hari Pelajar berkenaan akan dapat menambatkan lagi perhubungan tali silaturahmi di-antara guru2 dan ibu-bapa dan sa-terus-nya

mereka akan dapat berbinchang serta bertukar-tukar fikiran dalam meningkatkan dan meninggikan lagi mutu pelajaran kanak2 di-samping pada menyelesaikan masalaah2 untuk kepentingan bersama.

Di-Daerah Belait Maktab Anthony Abell Setia dalam melangsungkan hari tersebut telah menjemput Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin selaku tetamu kehormat dan sa-terus-nya menyampaikan hadiah2 kepada pelajar2 terbaik.

Sa-lain daripada majlis penyampaian hadiah2, acara telah di-serikan dengan persembahan tarian, pencharagam, nashid, dan mendeklamasikan sajak. Sementara Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam pula menyambut Hari Pelajar-nya dengan mengadakan peragaan fotografi bagi sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri serta achara sokan.

Lain2 sekolah menengah yang telah melangsungkan Hari Pelajar-nya ia-lah Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Fatimah kedua-nya dari Bandar Seri Begawan dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.

Sementara Sekolah Rendah termasuk Sekolah Persediaan Inggeris hari berkenaan termasuklah Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, SM Lela Menchanai, SM Pintu Malim, SM Pengiran Anak Puteri Besar, SPI Lumapas, SM Pengkalan Batu, SM Tanah Jambu, SM Pusu Ulak, SPI Mula, SPI Serasa, SPI Sungai Kebun, SPI Puduk, SPI SUAS Muara, SPI Haji Tarif, SM Sultan Abdul Bubin serta SM Sungai Hanching kesemua-nya dari Daerah Brunei dan Muara.

Manakala bagi Daerah Tutong pula SPI dan SM Abdul Rashid Tanjung Maya telah melangsungkan hari pelajar-nya pada hari Ahad lepas dan Sekolah Melayu Sungai Liang di-daerah Belait pada hari Khamis 10hb. yang lalu.



KELIHATAN para2 hakim sedang meneliti hasil gubahan dan bunga2 hidup di-praduan urusan rumah tangga di-Temasha Hari Pelajar Sekolah Melayu Panchor Murai.



AWANG Haji Badaruddin, yang menjadi tetamu kehormat di-Temasha Hari Pelajar Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil sedang bertanya sa-suatu kepada Guru Besar sekolah tersebut, Awang Haji Ahmad bin Hussien.



KELIHATAN kanak2 sekolah PGGMB ketika membuat persembahan di-upacara penutup sekolah tersebut pada malam Khamis lepas.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei berazam untuk memenangi Piala Borneo tahun ini dalam perlawanan bolasepak antara negeri2 Brunei, Sabah dan Sarawak apabila kejohanan itu bermula pada hari Sabtu ini.

Demikian telah di-nyatakan oleh Awang Ibrahim bin Haji Johari, Setiausaha Kehormat Persatuan Bolasepak Amatir Negeri Brunei (BAFA) ketika ditemuramah oleh pehak PELITA BRUNEI baru2 ini.

Azam untuk merebut kejuaraan tersebut, jelas Awang Ibrahim memanglah menjadi hasrat dan chita2 semua pemain2 kebangsaan lebe2 lagi perlawanan itu akan di-langsungkan di-negeri kita Brunei.

Menurut-nya, pemain2 kebangsaan telah melahirkan keyakinan dan jaminan untuk menunjakkan serta mempersembahkan mu-

BRUNEI BERAZAM UNTUK MEREPUT PIALA BORNEO

tu permainan yang baik di-hadapan para penonton tempatan nanti.

"Ada-lah menjadi hasrat dan azam bagi pasukan sa-sebuah negeri yang menja-di tuan rumah dalam satu2 pertandingan untuk merebut kejuaraan dan saya penoh perchaya hasrat sa-umpama ini juga terdapat di-kalangan pemain2 kita," ujar beliau.

Perlawanan tiga wilayah ini di-adakan ia-lah bagi merebut piala kornia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Perlawanan tersebut akan di-adakan sa-lama

tiga hari berturut-turut dari 26hb. hingga 28hb. Disember depan bertempat di-Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya, di Lapangan Terbang Lama Berakas di-sini.

Pasukan Sabah dan Sarawak akan bertemu dalam perlawanan pada 26hb. Disember. Sementara negeri kita akan bertemu dengan pasukan yang kalah pada hari ke-

dua-nya dan seterusnya akan bertemu dengan pasukan yang menang pada hari terakhir tersebut.

Bagi menghadapi perlawanan itu, Persatuan BAFA, jelas Awang Ibrahim itu lagi, telah pun memilih sa-ramai 36 orang pemain di-seluruh negeri untuk menjalani latihan pusat yang telah bermula sejak 7hb. Nobember yang lalu.

Dari jumlah tersebut, kata-nya sa-ramai 27 orang dari Daerah Brunei dan Muara, tujuh orang dari Kuala Belait dan lain sa-ramai dua orang adalah pemain2 dari Daerah Tutong.

Sejak perlawanan ini dihidupkan semula dalam tahun 1977 hingga tahun lalu, Negeri Sabah telah munchol sa-bagai juara. Perlawanan tahun lalu telah di-langsungkan di-Kuching, Sarawak.



Pemenang perlawanan bola keranjang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Projek Istana Baru dari ibu negeri telah munchol sa-bagai juara dalam perlawanan akhir bola keranjang bagi pemain2 yang berumur 32 tahun ka-atas yang telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa di-sini pada malam Khamis yang lepas.

Di-perlawanan akhir itu, pasukan tersebut telah menewaskan Pasukan Sweet Sendirian Berhad juga dari Bandar Seri Begawan de-

ngan dua permainan tanpa balas.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Persatuan Bola Keranjang Amatir Bandar Seri Begawan adalah merupakan projek tahunan bagi persatuan itu dan ia-nya telah di-sertai oleh sa-ramai empat buah pasukan di-daerah ini.

PENYERTAAN

Pasukan2 yang mengambil bahagian terdiri dari Pasukan Projek Istana Baru, Penuntut2 Taiwan di-seberang laut, Sweet Sendirian Berhad dan Pasukan Pogi.

Tempat ketiga dalam kejohanan kali ketiga itu telah di-sandang oleh Pasukan Penuntut2 Taiwan di-Seberang Laut.

Menurut, Yang Dipertua persatuan tersebut, kejohanan ini di-anjarkan adalah sa-bagai salah satu acara bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-35 tahun.

MUTU PERMAINAN

Kata-nya, sejak perlawanan ini di-anjarkan oleh persatuan berkenaan tiga tahun yang lalu, pasukan2 dari Bandar Seri Begawan adalah merupakan pasukan2 yang sering munchol sa-bagai juara.

Mengenai dengan performance perlawanan pada tahun ini, beliau menjelaskan bahawa mutu permainan ada-lah semakin meningkat jika di-bandingkan dengan tahun2 yang lalu. Tetapi kata-nya, apa yang mendukachitakan ia-lah tentang berkurangnya penyertaan pasukan2 di-negeri ini.

Dan untuk itu, beliau menyeru dan mengharapkan kepada pasukan2 bola keranjang di-negeri ini supaya akan dapat menyertai perlawanan ini di-tahun hadapan demi untuk membanyakkan lagi pemain2 tempatan yang seterusnya akan dapat meningkatkan 'standard' permainan bola keranjang di-negeri Brunei ini.

Perlawanan akhir bolasepak tujuh sa-pasokan 28hb. Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir bolasepak tujuh orang sa-pasokan anjoran Persatuan Perkasa bagi penduduk2 Kampong Ayer akan di-langsungkan pada hari Isnin 28hb. Disember depan bertempat di-Padang Besar di-sini.

Demikian telah di-nyatakan oleh Awang Hussain bin Seruddin, Setiausaha persatuan itu ketika di-hubongi oleh pehak Pelita baru2 ini.

Menurut-nya, perlawanan akhir itu ia-lah bagi pemain2 berumur 16 tahun kebawah, 20 tahun kebawah dan bagi umur yang tidak terhad.

Kata-nya perlawanan pusingan awal bagi ketiga2 perlawanan itu telah di-langsungkan pada minggu lalu di-mana sa-jumlah 110 buah pasukan telah mengambil bahagian.

Dari jumlah itu, jelas-nya, sa-banyak 26 buah pasukan menyertai dalam bahagian kejohanan umur 16 tahun kebawah; 40 pasukan bagi umur 20 tahun kebawah dan 44 buah pasukan menyertai dalam bahagian umur tidak terhad.

Menurut beliau itu lagi, perlawanan bagi umur 16 tahun itu ia-lah bagi merebut oskar yang di-sumbangkan oleh Awang Haji Jurini bin Haji Bakar, 20 tahun ia-lah bagi merebut oskar sumbangan Awang Sulaiman bin Sani sementara oskar yang di-hadiahkan oleh Awang Haji Abd. Latif bin Muhammad ia-lah untuk merebut kejohanan bagi umur tidak terhad (terbuka).

Awang Hussain berkata kejohanan bagi umur yang tidak terhad ada-lah merupakan kali pertama di-

anjarkan oleh persatuan tersebut.

Sementara perlawanan bagi umur 16 tahun ia-lah kali ketiga ia-nya di-anjarkan dan kali ke-empat bagi kejohanan 20 tahun kebawah.

Pada tahun lalu, Pasukan SHABAS dari Kampong Peramu telah munchol sa-bagai juara dalam kejohanan bagi pemain2 yang berumur 20 tahun kebawah dan sa-terus-nya merebut oskar Awang Sulaiman bin Sani.

Kejohanan yang di-anjarkan sa-bagai projek tahunan bagi persatuan yang semata-mata bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu permainan bolasepak di-kalangan pasukan2 di-sekitar Kampong Ayer itu ada-lah khas terbuka kepada kampong2, kelab2 dan persatuan2 belia yang tinggal di-Kampong Ayer.

Pasukan Kabus dari Kampong Sumbiling akan bertemu dengan Pasukan Iklas dari Kampong Lurong Sikuna di-perlawanan akhir bagi pemain2 16 tahun kebawah.

Pertunjukan Malam Amal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda-Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Star Artiste Production akan mengadakan pertunjukan malam amal pada hari Jumaat, 25hb dan Sabtu 26hb. Disember depan.

Pertunjukan bagi Tabong Orang2 Chachat Negeri Brunei itu akan di-adakan di-Dewan Raya Radio dan Talivishen Brunei di-sini mulai jam 7.30 malam.

Pertunjukan yang di-adakan sa-lama dua malam berturut-turut itu akan di-serikan oleh artis2 undangan luar negeri ia-itu R. Jaffar, P. Param, pelawak dan pelakun terkenal dari Kuala Lumpur dan artis2 dari Sabah dan Sarawak serta Pancharam Laser Beam dari Sabah.

Tiket2 bagi pertunjukan tersebut yang berharga \$15.00, \$10.00 dan \$5.00 boleh-lah di-dapati dari Musical Electronic Center, Wisma Hajjah Fatimah, 1st floor Jalan Sultan B.S.B., Haji Rahman bin Haji Naim di-Jabatan Radio dan Talivishen dan di-pintu masuk Dewan Rarong RTB pada 25hb. Disember depan mulai jam 9.00 pagi.

Jawatankuasa baru Palang Merah di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Palang Merah Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Temburong telah mengadakan mashuarat tahunan bagi melantik ahli2 jawatankuasa baru bagi tempoh 1981/82 baru2 ini.

Mashuarat yang di-langsungkan di-Ibu Pejabat persatuan tersebut di-Jalan Ong Sum Ping di-sini telah di-hadiri oleh sa-ramai 34 orang ahli persatuan dan telah di-pengerusikan oleh Awang Ismail bin Karim.

Dalam mashuarat pada hari itu sa-ramai tujuh orang telah di-lantik selaku ahli2 jawatankuasa baru bagi berjalan dan men-tadbirkan persatuan berkenaan.

Mereka yang di-lantik itu ia-lah Awang Haji Julaini bin Haji Latif selaku

Pengerusi, Setiausaha I di-pegang oleh Awang Othman bin Yusof dan Setiausaha II ia-lah Dyg. Rahimah binte Zakaria.

Sementara jawatan Bendahari di-sandang oleh Awang Sarkawi bin Haji Mohammad Salleh, Pegawai Kelengkapan I di-pegang oleh Awang Hassan bin Ali dan Pegawai Kelengkapan II pula ia-lah Awang Ahmad bin Haji Besar. Sementara Awang Julie bin Hamid di-lantik selaku Pegawai Kebajikan bagi persatuan itu.

15 orang belia ikuti kursus menchehah kebakaran



SA-RAMAI 15 orang belia dari Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda "B" di-Kampong Ayer telah mengikuti kursus menchehah kebakaran pada minggu lalu. Kursus sa-lama tiga hari itu di-anjarkan oleh Jabatan Pasokan Bomba Brunei.

Gambar (kanan) menunjukkan mereka di-tunjuk ajar chara2 menggunakan alat pemadam api dengan betul.

Bergambar ramai sa-telah selesai kursus tersebut pada hari Ahad lepas.



MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM



Sa-bahagian dari peserta yang mengikuti taklimat tersebut.

Peranan Jabatan Pertanian dalam membantu kaum tani

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian dalam menolong masyarakat tani di-negeri ini telah mengambil tindakan dalam rangka ranchangan2 tanaman dan ternakan yang di-sediakan untuk mencapai satu objektif jangka panjang bagi jabatan tersebut.

Awang Abu. Bakar bin Abd. Rahman, Pegawai Pertanian berkata bahawa ranchangan2 tersebut termasuklah sekim2 penanaman kepala, kopi, lada sulah, buah2an dan tanaman rumput untuk lembu yang pada ketika ini berjalan dengan lancar dan baik.

MASEH DI-BUKA

Berucap di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerja yang telah di-hadiri oleh sa-ramai 30 orang penduduk Mukim Kilanas dan Sengkuring, Awang Abu Bakar selanjutnya berkata yang ranchangan2 sa-umpama itu maseh di-bukakan kepada para2 peladang di-negeri ini yang memenohi syarat2 sekim2 tersebut.

Menurut-nya, sekim sa-demikian itu memberi bantuan hampir lengkap kepada para peserta yang berupa pembersehan kawasan dan pemberian benih serta pemberian baja2 kimia kawalan musoh dan penyakit hingga tanaman mengeluarkan hasil.

Di-kampung2 ketika ini, jelas-nya pelaksanaan ranchangan2 penanaman sayor2an oleh kaum wanita yang terdiri dari isteri, anak serta anak2 buah peladang telah berjalan.

Ranchangan tersebut, tambah Awang Abu. Bakar ada-lah semata-mata untuk mengadakan keperluan sayor2an untuk keluarga isteri peladang



Awg Abu Bakar bin Abd. Rahman

dan untuk menambahkan ekonomi para peladang dengan chara menjual katanu2 jika ada berlebehan.

RANCHANGAN PADI

Jabatan Pertanian, jelas-nya lagi, telah memulakan perlaksanaan ranchangan padi bagi musim tahun 1981 yang di-kenali sa-bagai ranchangan tanaman padi kesepuluh.

Ranchangan ini di-samping memberi peluang kepada para peserta untuk menjual hasil2 sawah mereka juga bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu amalan2 berpadi kerana para peserta dalam menyertai ranchangan dikehendaki patoh kepada shor2 teknikal yang diberikan.

Terdahulu dalam che-ramah-nya, Awang Abu Bakar menjelaskan tentang peranan Bahagian Pengembangan Jabatan Pertanian yang sa-chara total berperanan dan bertanggungjawab pada memberikan pertolongan dan pada membantu masyarakat tani ka-arrah menambahkan lagi pengeluaran hasil pertanian dalam negeri ini.

BERI DIDEKAN

Pertolongan yang di-maksudkan, jelas-nya, ia-lah dengan memberikan didekan dan melateh masyarakat tani dalam hal ehwal bertani sahingga mereka beroleh kejayaan, pengetahuan dan kemahiran yang baik dalam perusahaan masing2.

Jabatan Pertanian juga, kata-nya, dari semasa kase-masa ada menganjorkan

kursus pertanian di-kampung2 yang lebih tertumpu dan berkisar pada satu tajuk seperti sayor2an, jagong, padi, buah2an dan lain2 lagi di-samping meniteh beratkan kerja2 praktikal dan amali yang berasaskan keperluan sa-benar dan ranchangan2 yang akan di-jalankan oleh masyarakat tani di-sa-sebuah kampung.

Di-setiap tahun menurut beliau itu lagi, Jabatan Pertanian ada mengadakan pertunjukan pertanian di-seluruh negeri yang mana hari peladang ini salah satu dari acara penting yang khas di-atur untuk para peladang yang berketurunan ia-lah pameran2 oleh bahagian2 utama di-jabatan tersebut.

Pameran ini, kata-nya, bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan ladang masyarakat tani melalui pameran2 teknikal bahkan juga mendedahkan mereka kepada perkhidmatan yang di-jalankan oleh bahagian jabatan tersebut agar mereka faham sa-penoh-nya apa dia sa-benar-nya perkhidmatan ini dengan itu mereka boleh mengeplotasi-nya dengan sa-penoh-nya.

Dari muka 16

Menyatakan demikian ketika memberikan taklimat kepada 30 orang penduduk Mukim Kilanas dan Sengkuring di-majlis taklimat baru2 ini, Penolong Pegawai Daerah itu sa-terus-nya berkata yang masaalah2 ini selalu timbul di-kalangan masyarakat kita di-kampung2 pada masa sekarang.

Menurut-nya, dalam ugama Islam pun ada menegaskan supaya kita berbaik-baik di-antara jiran dengan jiran yang lain yang mana berbaik-baik itu ada-lah salah satu daripada iman.

SILATUL RAHIM

"Dari itu di-shorkan supaya penduduk2 sekalian supaya akan dapat menjalinkan silatulrahim antara satu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Tanah Kanan, Awang Othman bin Awang Damit menasehatkan kepada tuan2 tanah di-negeri ini supaya mengusahakan tanah2 mereka sepenoh-nya baik yang mereka perolehi sa-chara pembelian atau pun melalui proses permohonan tanah.

"Tanah2 yang di-beri milek itu hendak-lah di-usahakan sa-baik2-nya dan jangannya ia-nya di-jadikan sa-bagai alat jual beli kerana ini akan menjejaskan chita2 dan niat suci Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia," kata-nya.

Berkata demikian ketika memberikan cheramah kepada 30 orang penduduk Mukim Kilanas dan Sengkuring di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini baru2 ini Awang Othman sa-terus-nya menjelaskan bahawa maksud Kerajaan memberikan tanah tersebut ia-lah semata-mata untuk di-usahakan pada menambah sumber pendapatan orang2 yang di-beri milek tanah berke-naan.

PENDAPATAN

Menurut beliau, apa yang di-dapati sekarang ia-lah ada di-antara pemohon2 yang sudah di-beri milek tanah melalui proses permohonan tanah telah menjual tanah2 mereka dengan tujuan untuk mendapatkan kewangan.

"Jika perkara ini berlaku, bererti orang itu



Awg Othman bin Awang Damit

telah mendapat faedah kewangan tetapi bukan berniat untuk mengusahakan tanah itu sa-benar-nya, perkara ini ada berlaku," ujar Awang Othman.

MILEK KEKAL

Menyentuh tanah2 pakjan 55 tahun yang tidak di-keluarkan geran kekal atau milek kekal, beliau sa-terus-nya menjelaskan ini ada-lah semata-mata bertujuan bagi memastikan tanah2 itu di-usahakan dengan sabaik2-nya oleh tuan2 punya tanah tersebut.

Awang Othman di-majlis taklimat itu sekali lagi menegaskan bahawa kerajaan sejak tahun 1954 telah memberhentikan permohonan tanah2 deposit (LA) di-sebabkan tanah2 yang di-pohonkan sabelum tahun tersebut maseh belum selesai dan habis di-timbangkan.

Di-samping itu, kata-nya, kerajaan, menyedari bahawa tanah2 yang di-

berikan itu tidak di-usahakan dengan sa-penoh-nya bahkan sabaik2-nya terdapat sabilangan besar tuan2 tanah membiarkan tanah2 mereka di-tumboh semak samun dan langsung tidak di-pedulikan.

Menurut Pegawai Tanah Kanan itu, kuasa yang

boleh membenarkan terhadap pemilikan tanah kepada sa-seorang mengikut undang2 ada-lah terletak kepada Kebawah DYMM dalam Mashuarat Menteri2.

HAD TERTENTU

Kata-nya, tanah2 yang di-mileki atau di-beri milek kepada sa-seorang itu mempunyai had2 yang tertentu yang bertentah2 yang di-mileki itu bukan-lah bererti yang pemilek-nya berbuat sa-suka hati.

Awang Othman berkata bahawa kebanyakan tanah2 di-negeri ini yang di-beri milek ada-lah di-benarkan untuk maksud2 kegunaan pertanian ia-itu dari segi tanaman buah2an, getah, barang2 makanan, kelapa rumbia dan padi atau sa-bagai-nya.

"Ada juga tanah2 yang di-benarkan untuk kegunaan perumahan samada untuk flat, bangunan2 rumah kediaman jenis berasingan dan sa-lain dari itu terdapat juga untuk kegunaan usaha2 lain dalam bidang pertanian dan perusahaan," ujar-nya.

Dalam hubungan tanah2 pertanian, kata-nya, kerajaan ada-lah sentiasa memberikan pertimbangan jika sekiranya tuan2 tanah berhajat untuk mengubah syarat khas tanah itu kepada penggunaan lain seperti untuk kegunaan perumahan atau lain2 kegunaan tertaalok di-mana dudok-nya tanah itu.

Kemudahan2 yang di-sediakan untuk penduduk2 kampung

dengan yang lain supaya dengan ada-nya sifat ini akan lebih lagi mengharumkan dan memajukan negara kita yang akan mencapai kemerdekaan tidak berapa lama lagi," ujar-nya.

Terdahulu dalam che-ramah-nya, Penolong Pegawai Daerah itu menjelaskan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara kini mempunyai 17 orang penghulu bagi 17 mukim dan 94 orang ketua2 kampung bagi 108 buah kampung.

Berhubung dengan projek perkembangan jabatan tersebut, beliau menambah kata bahawa sejak 1963 jabatan berkenaan telah melaksanakan beberapa projek ia-itu termasuk pembinaan jalan2 kecil, jambatan2 kayu kampung ayer, jambatan2 luar bandar, ampangan2,



Awg Aliakbar bin Abu Bakar

perigi2, balai2 raya, jeti, jambatan2 perhentian, gerai2 kampung, pemeliharaan pantai, pembersehan sungai dan pemeliharaan keselurohan-nya.

JALAN2 KECHIL

Menurut-nya, dari segi pembinaan jalan2 kecil, jabatan tersebut sa-belum tahun 1963 hingga 1977 telah berhasil membina jalan2

kecil sa-panjang 134 batu di-mana sa-jauh 98 batu telah di-serahkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk di-tinggikan taraf-nya.

Di-kampung ayer, tegas beliau, Jabatan Daerah pada tahun lepas telah membuat 10 buah jeti bertiang batu ia-itu guna bagi menggantikan bangunan2 lama yang di-perbuat daripada kayu yang projek sa-umpama ini memakan belanja sa-jumlah \$250,000.00.

Di-samping itu, jelas-nya lagi, jabatan Daerah juga telah membina jambatan2 kayu bagi beberapa buah kampung di-kampung ayer yang berjumlah sa-panjang 3,119 kaki yang kesemua-nya ada-lah berhasrat pada memberikan kesenangan kepada penduduk2 di-sekitar kampung ayer.

intisari RTTB minggu ini

RENDANG UDANG

BUAH KERAS

pati udang galah
ji bawang besar
ji buah keras
ji lada merah
ji lada putih
ji lada kering
chi kunyit kering
kelapa parut
eping asam gelugor dan sedikit belachan
ji bawang merah
ji bawang putih
memasak-nya :

yang merah dan bawang putih di-giling ber-
Giling lada kering dan lada putih sekali dan
pula belachan dengan kunyit.

bil pati santan 1 chawan dan pati kedua 1
udang yang telah di-chuchi itu kemudian di-
dahulu dan gunakan minyak-nya tadi untuk
rempah2 tadi.

mendidih masukkan santan kedua, gaul rata2.
an garam, asam keping dan kemudian di-tutup.
h, masukkan pula udang yang telah di-goreng

ini hendak-lah di-kechikan api-nya sa-hingga
ang di-masak itu pekat. Lepas itu masukkan
tan yang pertama dan hendak-lah panas hing-
gelegak. Sa-telah itu baru-lah boleh di-ang-
siap untuk hidangan.

kan udang dalam piring yang di-sediakan itu
timun yang telah di-potong nipis. Kemudian
tan pula dengan telur rebus yang di-belah dua,
yang telah di-potong nipis dan daun salad. Ter-
pada anda untuk menghias-nya supaya nam-
ntek dan menarek hati.



a special 60-minute package of a Children's pro-
moters of Children's Corner Auntie Nicky and Uncle
songs like El Condor Pasa and Sunshine On My
guitar music provided by Uncle Gareth, Uncle
as at Children's Corner

"Esok Mentari Tetap Bersinar"

PENULIS Tasikan Yusoff,
Trengganu kini menimbul-
kan karya-nya **ESOK MENTARI**
TETAP BERSINAR untuk bahan
pendengaran kita di-hujung ming-
gu ini.

Kali ini kita akan berhadapan
dengan masalah yang mungkin di-
alami oleh segelintir masyarakat
kita, di-mana ibu bapa tidak begitu
menghiraukan akan pendidikan
agama yang tanpa-nya akan meng-
akibatkan keburokan dan mem-
bawa kepada kegagalan mereka
untuk menemui kedamaian jiwa.
Dari sini-lah akan menimbulkan
konflik di-antara anak dan orang
tua.

Watak Suzie dalam cerita ini
telah menjadi sasaran dari kelalai-
an orang tua sendiri. Cerita ber-
mula dari kebiasaan pergaulan Su-
zie dengan Winston yang tidak di-
restui oleh papa-nya di-mana pada
suatu malam Suzie keluar bersama
Winston hingga pulang pada larut
malam. Ini menimbulkan kete-
nggan di-antara mereka dan ber-
akhir dengan Suzie di-halau oleh
papa-nya.

Suzie pun membawa diri, hing-
ga-lah tiba di-sebuah kampung
yang terpilih hingga di-temui
oleh sa-orang lelaki tua di-tengah
malam ketika hujan turun.

Kesah sa-benar pun di-dedah-
kan oleh Suzie, bila mendengar hal
yang di-alami Suzie itu, orang tua
yang di-kenali sa-bagai bapa itu
pun chuba menasihatkan-nya dan
memimpin-nya menuju jalan yang
benar. Sa-lama bersama bapa ini,
Suzie telah dapat mengukur per-
bedaan chara hidup yang mereka
chetek dalam ilmu keagamaan. Sa-
alami. Suzie ketara benar amat
hinggakan sembahyang — pun ti-
dak di-ketahui !

Lain pula hal-nya tentang kedua
orang tua-nya. Sa-telah kehilangan Su-
zie, keinsafan dan rasa kesal pun timbul
di-sanubari mereka. Ikhtiar menchari
Suzie pun di-jalankan dengan pertolong-
an pehak pulis.

Tiba-lah di-suatu ketika Suzie me-
lahirkan hasrat-nya untuk menikmati
bersama ketenangan yang di-alami oleh
bapa. Ia ingin mempelajari dan meng-
amalkan sama2 apa2 yang telah di-prin-
sipkan dalam hidup bapa itu.

Peah yang berkenaan telah dapat
menganan di-mana Suzie berada. Ke-
dua2 orang tua Suzie pun sebulat suara

bersetuju untuk membawa-nya kembali.
Apa-kah reaksi Suzie terhadap tindakan
yang di-ambil oleh orang tua-nya ini ?
Akan lembut-kah semula hati-nya untuk
kembali ka-pangkuan kedua orang tua-
nya ?

Akan terjawab-lah semua soalan2 ini
jika awda mengikuti siaran sandiwara
minggu ini yang akan ka-udara pada
27hb Disember, 1981 jam 12.00 tengahari.
Sandiwara ini akan di-terbitkan untuk
siaran oleh Jamilah Abdullah.



GAMBAR menunjukkan di-antara tiga orang
pelakon yang menghidupkan watak sa-bagai
SUZIE (Dk Maskupah), PAPA (Pg Tajuddin)
dan MAMA (P. B. Sharifah) dalam cerita
yang bertajuk 'ESOK MENTARI TETAP
BERSINAR' tulisan Tasikan Yusoff, yang di-
ambil ketika pelakon2 menghidupkan watak
masing2 dalam rakaman sedang di jalankan.



